

INDONESIA YANG SEMESTA DRAFT PERTAMA

JILID DUA

KORHAR M. ABRAM

YAM TUAN

REMBAN.

BAB DUA BELAS

YANG DIPERTUAN REMBAU

Sumber Belanda menyatakan bahawa Rembau telah mula menggunakan gelaran Yang Dipertuan (Yamtuan) muda sejak akhir tahun 1750an lagi. Pukra yang pertama menyandang gelaran ini adalah Raja Adil (Lee Lam Hoig dan Mohd. Yusoff Hashim, 1989: 12). Apabila jawatan ini diwujudkan Datuk Syahbandar^① Rembau telah hilang sumber pendapatan utamanya^②. Sejak gelaran Datuk Syahbandar ini diadakan, tugas utamanya adalah untuk memungut cukai atau 'hasil' daripada orang-orang yang hilir mudik mengikut sungai-sungai di Rembau, terutama Sungai Penajis. Kuasanya ini telah hilang dengan pertukaran Yang Dipertuan Muda dan Syahbandar hanya tinggal sebagai kepala waris sahaja (Parr dan Macleay, 1910: 30; Atas Hj. Ali, 1958: 58).

Bermula dari sekitar tahun 1761, kuasa politik Raja Adil telah hampir lups dalam pentadbiran kerajaan Rembau. Selanjutnya, resesi dan surutnya kuasa dan pengaruh Bugis di Rembau (tetapi di Riau kuasa dan pengaruh puaka Bugis mula bertapak semula) telah menyebabkan kedudukan Raja Adil di Rembau sedah. dan terasing

dan terdedah. Beliau telah kehilangan peranan dan fungsi, baik yang praktikal mahupun simbolik, dan terpaksa 'menyesuaikan diri' dengan aturan sosial dan politik. Adat Perpatih Mboeh yang mungkin (Norhalim Hj. Ibrahim, 1978: 23).

Raja Asil telah meninggal dunia dalam tahun 1778, dan digantikan oleh putranya Raja Asil (Lee Kam Hing dan Mohd. Yusoff Ibrahim, 1989: 20). Setelah dilantik menjadi Yang Dipertuan Muda, Raja Asil telah mengumumkan dirinya sebagai Sultan Mahmud Syah, Yang Dipertuan Muda Rembau (Willanson, 1911: 23). Suatu perubahan atau mungkin boleh dikatakan 'penubuhan' telah berlaku dalam pertantikan Raja Asil sebagai Yang Dipertuan Muda. Perlembagaan Adat Perpatih menyatakan bahawa "raja itu tidak bernegeri"; tetapi dalam ts Raja Asil, Tampin telah diserahkan kepadanya sebagai "pegangannya". Berikutan dengan ini, harus diperhatikan juga, penciptaan jawatan Yang Dipertuan Muda dan penentuan Tampin sebagai pegangan Raja Asil tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya tetapi terdapat percubaan untuk mematuhi prinsip Adat Perpatih kerana ibu Raja Asil berasal dari Tampin (Kheo Keng Kim, 1990: 12).

Pada zaman Raja Asil menjadi Yang Dipertuan Muda Rembau tidak aktif dalam arena politik Selat Melaka, melainkan dalam tahun 1787. Dalam tahun tersebut

Rembau telah melibatkan diri dalam suatu pakatan yang diinisiatifkan oleh Sultan Mahmud Syah (Riau-Lingga) untuk menyerang Melaka. Penglibatan Rembau dalam pakatan ini bukan atas dasar status 'pejajahan taklok' kepada 'Johor' tetapi sebagai sebuah kerajaan 'bebas' yang turut menasai bahang penjajahan. Selain dari Rembau, anggota pakatan ini adalah Terengganu, Kedah, Siak, Solok, Linggi dan Siantan (Winstedt, 1962: 153). Gha-cita pakatan ini sesungguhnya besar, bukan sahaja hendak mengeluarkan Belanda tetapi juga menggempal dari perairan Selat Melaka, tetapi tindakan mereka tidak membuahkan dan memberi sebarang kesan. Pakatan ini hanya dapat menegakkan satu kepungan ke atas Dinding dan satu pendaratan di pantai Pulau Pinang, dalam bulan Mei dan Jun tahun tersebut (Winstedt, 1962: 153). Mereka tidak mencapai sebarang hasil positif dari kedua-dua tindakan itu, dan akhirnya pakatan itu bubar begitu sahaja.

Sejarah Rembau sehingga awal abad ke 19 adalah kabur. Dokumen-dokumen yang telah ditemui akhir-akhir ini telah banyak membantu sejarawan mengisi fathak-fathak sejarah di ketahui-tahuri berkenaan tetapi belum cukup untuk membina suatu kesinambungan persejarahan dan pincejarahan Rembau. Pembinaan semula sejarah

Rantau di tahun-tahun berikutnya adalah lebih kepada andai-an berdasarkan fakta-fakta yang ada. Suatu penyelidikan dan pengajian terperinci perlu dijalankan. Keadaan ketetapan ini berlanjutan sehingga tahun 1820an. Mulai dari tarikh tersebut ini, sejarah Rantau adalah agak lebih jelas. Dalam masa kesamaran fakta ini beberapa peristiwa penting telah berlaku yang telah membawa banyak perubahan dalam arena politik dalam abad berikutnya.

Dokumen-dokumen yang terbaru telah membuktikan, seperti yang disebut di bahagian awal, bahawa Raja Meliway telah ada di Rantau di awal 1720an, dan bukannya disekitar tahun 1770an seperti yang terlibat dalam persejajaran dan persejarah Rantau dan 'Negeri Sembilan' kini. Antara tahun 1740an hingga tahun 1770an, Rantau dan juga 'Negeri Sembilan' kekuasaan puaka raja dan diwangkalau; tetapi telah muncul pula putera-putera Bugis yang di tahun akhir abad ke 18 telah berjaya mewujudkan sebuah keluarga diraja tersendiri. Pada hakikatnya kehadiran putera dan keluarga diraja keturunan Bugis ini tidak menyenangkan penguasa Rantau dan juga penguasa unlayah rantau diwangkalau yang lain. Antara sebab 'kelegaan' dan 'tidak senang' ini adalah kerana

sistem budaya dan nilai yang diamalkan oleh kedua-dua suku kaum Melayu ini berbeza.

Keturunan Alwangkabau, golongan yang ramai mempraktikkan sistem nasab ibu;

sedangkan keturunan setengah Bugis, walaupun kecil, tetapi menjadi 'pemerintah', meng-

amalkan sistem alwaisi dengan membaratkan sistem nasab bapa di samping kemajudean

kebudayaan diri dalam diri mereka. Dari segi lain, pada umumnya keluarga di raja di

Rimbaui ini juga boleh diisih sebagai orang adat kerana ibu atau nenek mereka ada-

lah orang adat — orang Tampin. Adat Perpatih, walaupun menfikirkan keturunan dari

nasab ibu, dalam hal keluarga dan rumah tangga masih dalam tangan suami; "bandu"

yang empat, suami orang kedua yang punya; dan dalam kes keluarga di raja di

Rimbaui ini, suami itu adalah keturunan Bugis. Wangkri dengan mengambil segala

pilihan di atas serta yang lain dalam pernikahan membuatkan pembuat-pembuat

Rimbaui kurang senang dengan keluarga di raja tersebut.

Pilihan yang logik untuk mengimbangkan kehadiran dan kekuasaan keluarga di-

raja di Rimbaui ini dan mahukan juga 'orang awak' menjadi pemimpin, walaupun

hanya sekadar simbol, Penguatu Rimbaui dan penguatu-penguatu tuak rantau Alwang-

kabau yang lain telah mengutus salah satu lagi ke Pagarruyung memohon seorang pulera

untuk diaulatkan. Permohonan mereka ini telah dipersetujui oleh Raja Nan Tiga

Sela. Raja Hitam telah dikirim ke Rembau dan telah ditabalkan di Rengis, Rembau

Setelah ditabalkan, Raja Hitam telah pindah ke Sri Menanti. Oleh sebab Rembau,

Sungai Ujung, Johol dan Jelau serta wilayah rantau yang lain seperti Jempul, Ulu

Muar, Gunung Pasir, Terachi dan Inas telah berpenghulu yakni berpemerintah, Raja

Hitam telah dijadikan pemerintah di lembah Sri Menanti dengan gelaran Yang Di-

pertuan Besar Sri Menanti.

Persoalan yang harus dicari jawapan melalui penyelidikan selanjutnya ialah

bolehkah Raja Hitam ini ditabalkan? Bertalian dengan ini, kita mungkin kita dapat

meninjau andalan Khoo Kay Kim (1990:9):

..... yang mangkat pada tahun 1795 atau 1796 memang bukan Raja Adil tetapi mungkin Raja Asil. kerana keadaan politik pada penghujung abad ke-18 sudah banyak berubah, boleh jadi, pada masa itulah dihidupkan kembali jawatan Yang Dipertuan Besar dan gelaran itu diserahkan kepada Raja Hitam, ipar Raja Asil.

Seandainya kita menerima kenyataan Khoo Kay Kim ini, tiga^⑤ orang dari penghulu yang

terlibat dalam penantikan Raja Hitam ini dapat di katalpasti, iaitu Datuk Putek atau Datuk

Kasit, Penghulu Rembau; Datuk Leka Penghulu Sungai Ujung dan Datuk Rambutan Jantan dari Johol.

keluarga di raja di Rembau, terutama sekali Raja Asit tentu tidak puas hati dan beres-
 seburu dengan kedatangan dan perlantikan Raja Hitam, seorang putera Minangkabau,
 sebagai Yang Dipertuan Besar. Raja Asit sebagai seorang keturunan di raja sekampung
 tentu merasa lebih berhak untuk menjabat jawatan tersebut (Wilkinson, 1911: 23) dan
 'orang luar'. Namun, beliau tidak dapat melakukan sebarang tindakan kerana kedatangan
 dan perlantikan Raja Hitam itu atas kehendak penghulu-penghulu keturunan Minangkabau
 termasuk Penghulu Rembau sendiri, iaitu penghulu yang 'tunduk'kan keluarganya. Dalam
 keadaan ini begini, menentang bermakna menghancurkan kedudukan dan keistimewaan
 yang di'nikmati oleh keluarganya.

Penghulu-penghulu tersebut memahami perasaan dan keinginan Raja Asit dan
 keluarganya. Untuk mengendurkan ketegangan dan mengeluharkan timbulnya konflik,
 Raja Hitam telah di'kahwin'kan dengan Tengku Sulung, adik perempuan Raja Asit. Sa-
 lain dari Tengku Sulung, Raja Hitam juga telah berkahwin dengan Tengku Arshah, ahli
 keluarga di raja di Rembau keturunan Raja Meluar atas motif yang mungkin sama.
 Dengan adanya perkahwinan untuk kesenangan ini untuk beberapa tahun, terutama
 sekali di Rembau, konflik dapat di'hindarkan'.

Lima tahun sebelum itu, pada sekitar tahun 1790 Datuk Lela Maharaja Luhuisuh telah meninggal dunia. Tiga orang calon dari suku Biduanda waris Jawa telah dicalonkan. Di antara tiga orang calon itu, hanya dua orang sahaja, iaitu Pekak dan Pasah, yang paling layak. Akhirnya Pekak dari perut kampung Tengah telah terpilih dan dilantik menjadi Penghulu Rembau yang ke sepuluh (Parr dan Mackray, 1910: 30).

Pasah, juga ahli suku Biduanda Jawa tetapi dari perut kampung Tanjung tidak puas hati dengan penamiltan Pekak. Beliau telah pergi mendapatkan Sultan Mahmud Syah (1761-1812) di Lingga⁴ untuk menyalakan rasa tidak puas hatinya dan memohon Sultan Mahmud campur tangan. Kedatangan Pasah ke Lingga ini tidak lama waktu kerana Sultan Mahmud pada ketika itu sedang menghadapi krisis dengan Belanda dan negerinya berada dalam keadaan tidak stabil. Baginda tidak dapat malahan tidak mampu untuk mencampuri hal ehwal Rembau. Di samping itu, pengaruh kerajaan 'Riau-Johor' ke atas Rembau telah lemah sejak tahun 1720 an dan sampai ke puncak-nya dalam tahun 1750an dan 1760an.

Gerakan lisan Rembau, seperti yang dikutip oleh Parr dan Mackray (1910: 30)

menyatakan bahwa:

Kerajaan Johor pada masa itu sedang bergoyang dan tidak ada sultan yang berkuasa; maka dikurniakan Pasah gelaran Datuk Mauglubumi sebagai pusaka bagi perutnya waris Jawa kampung Tanjung. Maka kemudiannya itu kekalah gelaran itu sampai sekarang.

(Terjemahan Abbas Hj Ali, 1953:38)

Dalam nota kakinya, Paur dan Madenay (1910: 31) mencatatkan bahawa asal usul kejadian

pusaka Mauglubumi, seperti dinyatakan dalam petikan di atas, tidak diketahui oleh waris

Bidanda Kampung Tanjung. Mereka berpendapat bahawa gelaran itu adalah anugerah

Raja Siak kepada seorang ahli waris Sedia Raja (Bidanda Sawa) Kampung Tanjung

yang telah melawat ke Siak mempersembahkan sekampung ulinan kayu yang cantik.

Pasah, bagaimanapun gagal dalam tuntutananya namun telah dikurniakan

gelaran Datuk Mauglubumi yang bertaraf Orang Besar. Pakcik kekal menjadi

Penghulu Rumbau itu sepuluh dengan gelaran Datuk Sedia Raja.

Satu perkara yang menarik perhatian dalam 'krisis' perantaraan penghulu talam

1790 ini ialah peranan Yang Dipertuan Muda Rumbau. Mengikut teori Andar Perpatih,

Yang Dipertuan Muda bertaraf raja dan fungsi raja mengikut perlembagaan adat

adalah keadatan. Dengan adanya jawatan tersebut di Rumbau, Pasah tidak seharusnya

nya pergi menemui Sultan Mahmud untuk mencari keadilan. Perasaan mengapa

Pasah tidak menunjukkan rasa tidak puas hatinya kepada Yang Dipertuan Muda,

beberapa kemungkinan boleh diutarakan.

(a) Besar kemungkinan Yang Dipertuan Muda telah memberi sokongan

kepada Pekak, walaupun fakta sejarah dan juga sejarah lisan Rembau

yang ditemui sehingga kini tidak menyebut mengenainya. Jika itu adalah

ini bina bermakna Yang Dipertuan Muda telah masuk campur dalam

pentadbiran negeri dan tidak lagi dapat menjalankan fungsinya sebagai

keadilan.

(b) Kedua-dua calon, terutama sekali Pasah menganggap Yang Dipertuan

Muda, oleh sebab dari pihak sebelah ayah kanya keturunan Bugis, tidak

memahami status dan fungsinya sebagai keadilan dalam struktur

dan organisasi kepimpinan Adat Berpatih.

(c) Pasah mungkin tidak mahu Yang Dipertuan Muda, jika ia berjanji

dalam tuntutan melalui keadilan di Rembau, menjadi dalang di

belakangnya di kesuduan hari. Pasah mahu lebih selamat untuk

mendapatkan bantuan dari Sultan Mahmud Syah yang mempunyai kuasa dan pengaruh yang lebih dari Yang Dipertuan Muda Rumbau dalam arena politik Selat Melaka. Kuasa dan pengaruh Sultan Mahmud ini mungkin boleh digunakan untuk kepentingannya di kemudian hari. Sultan Mahmud Syah, jika-kalupun menjadi bayangannya di masa hadapan, dalam itu tidak mungkin bertindak semerta kerana kedudukan kuat yang berjauhan.

Dalam bulan Februari 1795 'Surat-Surat Kew' (Kew Letters) telah ditandatangani antara Belanda dan Inggeris yang memberi kuasa kepada pihak Inggeris untuk menguasai tanah jajahan Belanda tanpa halangan (Hall, 1971: 606). Berdasarkan surat-surat Kew inilah pada 18hb. Ogos 1795 satu ekspedisi angkatan laut Inggeris di bawah pimpinan Kapten Henry Newcombe dan A. Brown telah sampai ke Melaka dan Pulau Pinang untuk mengambil alih pentadbirannya dari pihak Belanda.

Sebelum akhir tahun tersebut pihak Inggeris di Melaka telah cuba membuat persahabatan dengan kerajaan Rumbau. Inggeris menyedari kegigihan Rumbau menentang penjajahan walaupun kekuatannya kecil. Kegigihan Rumbau ini telah disaksikan sendiri

oleh pihak Inggeris dalam tahun 1787 semasa Pakatan Melayu menyerang dan mendarar di Orindang dan Pulau Pinang. Untuk menghindarkan dari 'panaklukan' Inggeris ke atas Melaka bermula dengan permusuhan dan mengelakkan berlakunya sekurang-kekurangnya konflik, Inggeris telah menjemput pembesar-pembesar Rembau untuk menandatangani satu persefahaman persahabatan dan perdagangan (Parr dan MacLauray, 1910:18).

Datuk Pekak disebabkan uzur, tidak dapat pergi ke Melaka untuk menundingkan dan menandatangani persefahaman itu. Beliau telah melantik Datuk Perba Kosil, orang Besar Waris atau Lembaga suku Biduanda dari perut Tebat sebagai wakilnya. Selepas menandatangani persefahaman itu, Kosil enggan mencutikan kuasa 'pemangku' yang telah diberikan kepadanya. Beliau telah mengangkat dirinya sebagai penghulu dan mengangkuh senjata samudra untuk menentang Datuk Pekak. Beliau telah memaksa Datuk Pekak menyerahkan pusaka penghulu kepadanya. Datuk Pekak, melihat keadaan menjadi tegang di kalangan anak buahnya dan tidak mahu mencetuskan perang saudara serta pertumpahan darah yang sesia telah meletakkan pusaka penghulu yang dipangkunya. Kosil telah 'dilantik' dan diisytiharkan sebagai Penghulu Rembau yang ke dua belas dengan gelaran Datuk Lela Mahangja.

Dalam perkembangan Rantau sebagai sebuah negeri yang berdaulat, pemberontakan tahun 1795 ini, walaupun tidak menitisikan darah adalah suatu penyelewengan dalam urusan perantikan penghulu. Di masa-masa terdahulu daripada itu telahpun berlaku konflik antara calon dan menitisikan darah seperti yang berlaku semasa perantikan Datuk Sabar (1725) dan Datuk Lulusuh (1760) dalam proses perantikan penghulu, namun ia berlaku semasa pengkebumihan jenazah penghulu yang meninggal dunia dan penghulu yang baru diantik belum lagi diterajankan. Konflik begini dibolehkan oleh perlembagaan adat tetapi telah diharuskan dalam tahun 1883 oleh Inggeris (Parr dan Mackray, 1910: 49-50). Ianya tidak mempunyai ciri-ciri pemberontakan dalam etiketa menentang dan merampas kuasa dari penghulu yang sedang memerintah.

Mengikut perlembagaan adat Rantau, seseorang penghulu yang sedang memerintah boleh dipecat oleh keputusan lembaga Rantau atas sebab-sebab tertentu. Dalam kes tahun 1795 ini, Datuk Petaik tidak terpecat seperti yang dilaporkan Abas Hj. Ali (1953: 22). Dengan kes ini sebagai suatu contoh, di mana kepentingan pribadi dan keinginan hawa nafsu mengatasi peraturan dan perlembagaan adat, dalam tahun-tahun kemudian beberapa kes penyelewengan perlembagaan akan berlaku. (Ini akan dituturkan di-

bahagian apun nanti). Keadaan dan sikap pemimpin-pemimpin kerajaan yang sendirian yang membawa Rantau ke dalam beberapa siri konflik dan memungkinkan Khoo Kay Kim (1994: 8) untuk menyimpulkan bahawa walaupun Negeri Sembilan mengamalkan sistem Adat Perpatih tetapi dari segi sistem politik kaum-kaum adat ini tidak menonjol dan tidak menunjukkan suatu gaya atau keperibadian yang tersendiri. Tegaknya, dari segi politik Negeri Sembilan tidak berbeza sangat dengan negeri-negeri Melayu yang lain.

Di dalam pertelingkahan antara Datuk Pekan dengan Datuk Kani ini, Raja Hitam Yang Dipertuan Besar Seri Menanti dan Raja Asil (atau Raja Ali) Yang Dipertuan Muda Rantau telah memedikan diri. Kedua-duanya tidak mahu melibatkan diri atau memihak kepada mana-mana pihak tertentu. Dalam peristiwa ini, Raja Hitam khususnya, memang tidak ada hak untuk mencampuri; melainkan jika dia diwajibkan kepadanya. Kejadian tahun 1795 ini berbeza dari insiden 1790 kerana, dalam kejadian terakhir ini pihak ketiga (sebelum tahun 1790, Pasah telah melibatkan Sultan Mahmud Shah) tidak terlibat.

Satu lagi peristiwa yang akan merobah corak politik kerajaan Rantau dalam abad ke-19 telah berlaku. Satu lagi pemberontakan telah mengambil tempat di Rantau.

Pembarontakan kedua di selatir akhir tahun 1795 ini bukan di kalangan pembesar-

pembesar adat seperti sebelum itu, tetapi di kalangan keluarga diraja. Raja Hil,

Yang Dipertuan Muda Rembau ketika itu telah terpaksa menyerahkan kedudukannya kepada

Raja Asit. Penyerahan kuasa ini tidak dilakukan secara licin dan aman tetapi mem-

punyai unsur paksaan dan penuh dengan ketegangan.

'Pembarontakan' ini berpunca dari percuatan Raja Hil, salah seorang dari anak-anak

Raja Asit. Raja Hil telah jatuh cinta dengan anak perempuan seorang haji yang kental di

Rembau, Haji ini, seorang ahli suku Biduanda Jakun dari kampung Chengkau enggan

menyerahkan anak perempuannya. Keengganan keluarga waris menghormati akidnya

dengan ahli keluarga diraja telah bermula semenjak seabad yang lalu lagi.

Selagi akhir tahun abad ke-18 keluarga-keluarga waris di Rembau telah

bertahan dari memberikan perangsang hidup kepada keluarga diraja. Ini dapat disaksi-

kan dengan penolakan piutangan keluarga Sultan Johor dalam tahun 1659 dan

sekitar tahun 1760. Pembesar waris di Rembau menyedari bahawa gabungan seperti

ini mungkin menjadi punca masalah, terutama sekali dari anak lelaki waris gabung-

an tersebut. Anak lelaki adalah berpotensi untuk mewarisi kedudukan diraja melalui

darah keturunan pihak ayah (nasab bapa) di samping berpotensi juga menuntut hak pusaka waris melalui darah pihak ibu (nasab ibu). Calon-calon yang mempunyai dua bentuk hubungan dan berhak atas sesuatu pusaka adalah satu ancaman kepada ketetapan kedua belah pihak (Gullick, 1976: 25).

Contoh yang paling jelas tetapi tidak melibatkan keluarga waris adalah perkelahian antara Raja Adil dengan Cik Menek, ahli suku Tiga Batu dan Tampin. Raja Adil adalah wakil kerajaan Johor dan juga Yang Dipertuan Muda Bugis di Riau. Walaupun Rumbau secara tidak langsung tidak lagi bergaja ke Johor dan kuasa Bugis di Johor-Riau dan di Rumbau hampir pupus, namun institusi Yang Dipertuan Muda Rumbau (atau pada mulanya Raja Rumbau) tetap kekal dan amatin kokoh. Dan dalam tahun 1795 ini, keluarga yang sama, walaupun dari segi ibu bukan keluarga waris sedang menimbulkan permasalahan. Tegaknya, segala buruk sangka pemimpin-pemimpin Rumbau mengenai kehadiran keluarga diraja di Rumbau akan menjadi kenyataan.

Penolakan peminangannya itu telah mengakibatkan Raja Haji menjadi tidak senang dan telah melarikan gadis tersebut ke istana ayahnya, Raja Asil, di Bandar, Perbuatan

Raja Haji ini melanggar adat kebiasaan pemilihan jodoh di Rembau, Raji tersebut telah mengadakan perbuatan adat sesalahan itu kepada Datuk Kosil yang telah menikahi Raja Asil meminta penyelesaian (adat surumah dan lani) daripada Raja Asil. Raja Asil, mungkin kerana kedudukannya sebagai Yang Dipertuan Muda telah cogan menyeksakannya. Keangkuhan keluarga diraja ini telah menimbulkan kemarahan Datuk Kosil. Akibatnya, melus suatu konflik antara penguasa dan waris Biduanda dengan keluarga diraja Raja Asil (Regle, 1834:139). Hampir semua Lembaga di Rembau telah menyebelahi Datuk Kosil. (Khoo Kay Kim, 1984: 46)


Datuk Kosil telah menghantar suatu perawataan mengundang Raja Ali untuk dijadi-kan ketua menentang Raja Asil. Tujuan perantikan Raja Ali sebagai ketua ini ada-lah berdasarkan falsafah Melayu: untuk menjatuhkan ketua menentang ketua dianggap tidak baik melainkan diiktiraf oleh seorang pemimpin yang sedarjat. Pemilihan Raja Ali ini adalah direncana kerana sebelum itu Raja Ali telahpun membuat suatu coup d'etat terhadap Raja Asil tetapi tidak berjaya. Setelah gagal dalam percubaan itu, Raja Ali telah mengundurkan diri untuk sementara waktu ke Sungai Mipah berhampiran dengan Tanjung Tuan (Newbold, 1834: 257; Khoo Kay Kim, 1984: 46).

Raja Ali adalah anak Raja Aman atau dikenali juga sebagai Daeng Alampati, orang puho Bugis dan sandara kepada Raja Selangor (Wilkinson, 1911:23). Ibunya adalah Tengku Putih atau dikenali juga sebagai Tengku Putri. Wanita yang mung-
kaintan (Gullick, 1976:25) ini telah dirujuk sebagai adik kepada Raja Asil (Wilkinson, 1911 dan Winstedt, 1934) dan sebagai anak, ^{berah} Raja Asil (Begbie, 1834; Newbold, 1839; Khoo Kay Lim, 1984). Di antara dua pendapat ini, besar kemungkinan pendapat Begbie dan Newbold yang hidup di zaman dengannya, malahan Newbold pernah bertemu dengannya di istana Raja Asil, di Bandar dalam tahun 1832, adalah yang paling tepat (Lihat gambarajah 6).

Raja Ali pula, sesuai dengan tradisi Bugis yang dipenlehinya melalui darah ayahnya, telah mendapat penghormatan sebagai "seorang ketua kaum yang agak terampil" (Begbie, 1834:133) dan seorang freelance yang terkenal (Farr dan Mackray, 1910:19). Beliau adalah pendek sahaja orangnya, berkulit gelap dan agak pinbeleg; agak jahil dan sangat percaya kepada takhyul dan suka menghisap candu. Bagaimanapun, dia adalah seorang yang licik, pandai dan berhati-hati dalam perbicaraan, tetapi pantas dan jelas dalam tindakannya. Cara beliau berpakaian adalah selekeh.

GAMBARAJAH 8:

SALASILAH YANG DIPERTUAN MUDA REMBAU



Petunjuk:



kahwin



keturunan

YDMR
YDBSM
TBT

: Yang Dipertuan Muda Rembau
: Yang Dipertuan Besar Sari Meranti
: Tunku Besar Tampin

(Newbold, 1834: 253). Raja Ali sangat dipengaruhi oleh ibunya Tengku Putih yaitu seorang wanita yang mempunyai minda kelakian (Newbold, 1836: 66).

Apabila perutusan Penghulu Rumbau datang menemuinya di Sungai Nipah dan menyatakan tujuan mereka, Raja Ali merasa inilah peluang yang ditunggu-tungganya. Kesempatan ini telah digunakan sepenuhnya. Beliau telah berjaya mempengaruhi Raja Asil dan menyatakan bahawa jalan yang paling selamat adalah berpindah meninggalkan Rumbau sebelum keadaan menjadi lebih genting. Adalah dipercayai Raja Ali telah berjanji akan menjemput semula Raja Asil balik ke Rumbau apabila keadaan kembali pulih dan tenang. Nasihat Raja Ali telah dituruti dan Raja Asil beserta dengan ahli keluarganya telah berpindah dan mencari perlindungan di Menung.

Setelah Raja Asil dan keluarganya meninggalkan Rumbau, Raja Ali telah berusaha untuk mendapatkan jawatan Yang Dipertuan Muda. Datuk Kasil mungkin enggan menaruhnya kerana beliau merasa Rumbau tidak perlu lagi seorang Yang Dipertuan Muda yang kehadirannya dalam struktur politik Rumbau sering mengancam dan mencabar kedudukannya sebagai pemerintah mutlak. Di samping itu, darah keturunannya Raja Ali masih berkait dengan darah Bugis. Ayah Raja Ali, Raja Aman adalah

pulera Bugis dari Selangor dan masih mempunyai hubungan persaudaraan rapat dengan raja Selangor.

Raja Ali dalam usaha mendapatkan jawatan tersebut, mungkin atas pengaruh dan dorongan ibunya telah mendapat sokongan Raja Hitam Yang Dipertuan Besar Sri Alenanti. Raja Hitam telah menggunakan pengaruhnya ke atas Datuk Kasif dan Lembaga Rumbau (Begbie, 1834:158). Salah satu dari pengaruh dan sokongan luar yang mungkin digunakan oleh Raja Hitam ke atas pemimpin-pemimpin Rumbau adalah prinsip keturunan dalam Adat Perpatih. Raja Ali, walaupun ayahnya orang Selangor, tetapi ibunya adalah anak Raja Hitam dengan Raja Sulung iaitu orang Tampin (salah satu dari jajahan atau wilayah Rumbau). Mengikut prinsip ketelunggaan Adat Perpatih Raja Ali ini adalah orang adat, khususnya orang Rumbau, setidaknya dari segi hoki. Mungkin atas dasar ini akhirnya Datuk Kasif dan Lembaga Rumbau bersetuju dengan perlantikan Raja Ali sebagai Yang Dipertuan Muda menggantikan Raja Asit.

Raja Asit agak kecewa dengan sikap dan tindakan Raja Ali ini. Beliau berharap Raja Ali akan menjemputnya setelah diadakan menjadi kenang rapat yang dijanjikan. Beliau menjadi lebih hampa apabila mengetahui Raja Ali telah mendapat sokongan

dari adik iparnya Raja Hitam atas dorongan dan giatkan adiknya sendiri, Tengku Putih. Raja Asil menyadari bahawa dia tidak mempunyai harapan dalam menuntut semula kedudukannya secara sendiri. Usaha terakhir baginya adalah mendapatkan sokongan luar. Beliau telah pergi ke Melaka menemui Residen Inggeris, Kapten Farquhar untuk meminta bantuan Inggeris mengenai rampasan kuasa yang dilakukan oleh Raja Ali. Pada mulanya Melaka bercadang membantunya menentang Raja Ali kerana pada pendapat mereka, tindakan ini patut dibuat sesuai dengan semangat perjanjian persahabatan Rembau-Inggeris yang baharu sahaja ditandatangani. Cadangan ini, bagaimanapun terpaksa dibatalkan kerana pihak berkuasa Inggeris di Pulau Pinang melarang Melaka masuk campur tangan dalam masalah politik setempat. Raja Asil telah balik ke Naning dengan penuh kekecewaan dan meninggalkan dunia di sana (Braddell, 1956: 230-231) dalam tahun 1796.

Raja Haji, orang yang menjadi punca kepada permasalahan ini telah berkahwin dengan gadis anak haji tersebut. Beliau dan isterinya telah pindah dan tinggal di Melaka. Tidak berapa lama kemudian Raja Haji telah meninggalkan wanita (isterinya) itu begitu sahaja. Wanita itu telah balik ke rumah keluarganya di Rembau.

Raja Haji pula telah mengelbkan lagi keluarganya. Beliau semakin menjadi-jadi melakukan amalan-amalan dan tabiat-tabiat buruknya. Akhirnya beliau telah menjadi seorang petualang dan kutu naya (Braddell, 1856: 230). Dengan itu, garis keturunan Raja Asil melalui anak lelaki menjadi kulaur berbeza dengan garis keturunannya melalui pihak anak perempuannya, Tengku Putih. Anak lelaki Tengku Putih, Raja Ali akan mewariskan sejarah Tambau dalam abad berikutnya.

Dalam perhentikan Raja Ali sebagai Yang Dipertuan Muda Rembau ini sekali lagi kita bertenai dengan percubaan untuk menggunakan prinsip nasab ibu Adat Perpatih bagi mendapatkan pengesahan sesuatu status dan jawatan. Perbuatan yang hampir serupa telahpun dilakukan oleh Raja Asil sebelum itu, yang telah menggunakan keturunan ibunya (Cik Menek orang suku Tiga Batu dari Tampin) untuk mendapatkan jawatan pemimpin negeri. Dalam kas Raja Ali, perempuan yang sama (Cik Menek) telah dijadikan alasan untuk menganggap dan menggolongkan Raja Ali sebagai orang adat dan pengesahan serta pengiktirafan pusaka yang sama.

Antara Raja Asil dan Raja Ali, hubungan darah Raja Asil dengan orang adat Rembau adalah lebih pekat. Keccairan darah orang adat Rembau dalam diri

Raja Ai' ini telah 'dipekatkan' oleh pengaruh dan sokongan kuat dari Raja Hitam (yang mungkin telah didorong pula oleh anaknya Tengku Putih) orang yang mungkin inisiatifkan pemberontakan Raja Ai'.

Fakta sejarah membuktikan bahawa kedua-dua peralihan ini telah mencapai kejayaan. Dalam hal Raja Ai', Raja Hitam secara tidak langsung telah mendapat 'tauntungan'. Sebelum ini, beliau tidak ada pengaruh langsung ke atas Rambau. Tetapi dengan traktatnya Raja Ai', cucunya, melalui sokongan dan bantuannya, Raja Hitam telah mempunyai 'wakil' tidak resmi dalam negeri dan dalam kerajaan Rambau.

Satu lagi perkara yang menarik perhatian di sini ialah pemberontakan telah menjadi seolah satu upacara tahunan di Rambau di bahagian akhir abad ke-18 ini. Ia bermula dalam tahun 1790 yang berupa krisis pencalonan jawatan kerana tidak puas hati. Lima tahun kemudian, timbul lagi satu krisis yang hampir serupa tetapi lebih serius dan dapat dianggap sebagai suatu pemberontakan dan merupakan 'pemberontakan' dan coup d'état yang pertama di Rambau. Pemberontakan ini tidak terhenti di situ sahaja, dalam tempoh tidak sampai se-

satu lagi pemberontakan dan coup d'état telah terjadi. Dari rumusan ini, kita dapat bahawa dalam bahagian akhir abad ke 18 ini berbagai keresahan dalam negeri telah berlaku di Rembau. Ia sedah-dah menjadi dasar dan petunjuk kepada suatu keadaan tidak tenteram yang bakal menjelang.

Pelantikan Raja Ali, seorang yang kecil sebagai Yang Dipertuan Muda merupakan titik tolak kepada berlakunya kekacauan yang berpanjangan dan hampir memusnahkan ketenteraman kerajaan. Kekacauan ini boleh dianggap sebagai bermula sejak terbentuknya institusi Yang Dipertuan Muda di Rembau yang sendiri merupakan suatu pembaharuan. Sebagai dinyatakan, Penghulu dan Lembaga Rembau yang tidak ingin melihat kekacauan berlaku setelah wujudnya institusi baru itu, telah pula membuat pembaharuan lain berkaitan dengannya.

(a) Tampin telah ditadbirkan di bawah kuasa Yang Dipertuan Muda.

(b) Bandar yang terletak di kawasan hilir Rembau telah dijadikan tempat kediamannya.

(c) kepadanya telah diperuntukkan satu pertiga daripada hasil cukai ke atas bijih yang dibawa melalui Sungai Linggi dari Sungai Ujung (Cukai

nya pada waktu itu adalah sebanyak dua mnggit sebahana).

(a) Hasil pendapat dari kuru, yang juga dalam jajahan Rembau, juga telah diserahkan kepada Yang Dipertuan Muda sebagai nafkah hidupnya (Newbold, II, 1839: 119-20; Khoo Kay Kim, 1984: 26).

Pembaruan yang disenaraikan di atas adalah suatu penyimpangan dari perlembagaan asal Adat Perpatih yang secara jelas menyatakan kerajaan Rembau tidak menyediakan sebarang jajahan dan pendapatan untuk Yang Dipertuan Muda:

Adapun raja itu tiada mempunyai negeri,

dan tiada menuntut ketangkajak;

melainkan berkesaditan sahaja;

serta pemalakanan: dust resukai,

beras segamking,

kylor setali.

Untuk selama lebih kurang satu dekadawarsa Raja Ali telah bergerak dengan penuh hati-hati serta pertimbangan tanpa membuat sebarang musuh. Tetapi selepas dia mendapat keyakinan diri dan kedudukannya menjadi lebih mantap dalam arena politik di

Rembau, beliau telah menjadi angkas dan cuba mencampuri politik dalah di Rembau.

Sebelum itu, Raja Ali telah berusaha memperbaiki imej dan kedudukan keluarga diraja

di Rembau yang telah teruk akibat perbuatan Raja Haji di zaman pemerintahan

Raja Ali. Dalam usaha ke arah ini, Raja Ali telah memajukan turbanan

keluarga dan istikama sekali dirinya sendiri.

Raja Ali telah mendampingi lembaga-lembaga tertentu dan rakyat Rembau

untuk mencari pengaruh dan sokongan. Usaha ini memakan waktu. Justeru itu,

apabila Datuk Kacit meninggal dunia dalam tahun 1812, beliau, yang belum yakin

akan pengaruhnya ke atas lembaga-lembaga utama di Rembau tidak melibatkan

diri dalam proses pencalonan dan penentuan penguasa yang baru. Beliau telah ber-

diam diri dan bertindak sejajar dengan semangat perlembagaan adat Rembau

dan fungsinya sebagai keadilan. Beliau tidak memihak dan menyokong mana-

mana calon yang terlibat dalam proses pemilihan itu. Sikap keadilan yang

dalam penentuan penguasa dalam tahun 1812 ini mungkin telah menaikkan lagi

imejnya sebagai keadilan.

Satu lagi peristiwa yang berlaku semasa pemerintahan Datuk Kacit ini telah

terbentuknya suatu Persatuan Suku Yang Lima atau dikenali juga sebagai Perlima Di sebelah Barat. Persatuan ini adalah suatu gabungan ketenteraan yang dianggotai oleh lima buah suku yang tinggal di Rimbau Barat. Suku-suku tersebut adalah Biduanda, Tanah Datar, Batu Hampar Patani, Anak Acheh, dan Anak Alaka.

Gabungan ketenteraan ini diwujudkan atas tujuan meminta bantuan dari Datuk Perba. Seorang gadis anak buah Datuk Perba telah dikahuri oleh seorang lelaki dari suku Ilungkat di Tampin. Pihak suku lelaki telah gagal membayar segala yang perlu untuk perkahwinan tersebut seperti wang mas kahuri, wang adat dan sebagainya. Datuk Perba (Lembaga suku Biduanda) telah membincangkan mengendusnya dengan Datuk Putih (Lembaga suku Batu Hampar Patani). Mereka bersetuju untuk ke Tampin diiringi oleh suatu angkatan yang terdiri dari ahli kawa-dea suku tersebut, pergi ke Tampin untuk menuntut pembayaran adat perkahwinan itu. Suatu pergaduhan telah terjadi dan berlangsung untuk selama dua minggu tanpa kemenangan di mana-mana pihak.

Melihatkan 'peperangan' menjadi berlarutan Datuk Perba dan Datuk Putih telah memohon bantuan dari Datuk Mahareja Senara (Lembaga suku Tanah Datar

Baruk), Datuk Lela Anqsa (sekarang Datuk Lela Wangsa, lembaga suku Anak Archah), dan Datuk Ganti Maharaja (lembaga suku Anak Melaka). Ketiga-tiga lembaga ini telah bersejua merembut bantuan dan telah mengumpulkan anak buah masing. Anggotanya lima buah suku ini telah menggempur untaiyah Tampin dan berjaya menundukkan mereka dengan hanya sekali percubaan sahaja.

Setelah mereka berjaya dalam serangan itu, kelima-lima orang lembaga itu balik ke Rembau dan mengadakan suatu jamuan kemenangan di Masjid Batu Putih, Chongkai. Dalam majlis itu Datuk Kosi telah turut hadir. Kelima-lima datuk tersebut telah membuat percheitan antara satu sama lain dengan adat memecah darah.

Di samping itu mereka juga telah bersumpah dengan menggunakan Koran bahawa:

- (a) mereka akan bertindak bersama dalam segala hal,
- (b) mereka akan kekal menjadi lima Orang Besar di bawah seorang

Lembaga, serap seluruhnya dengan anak buah sendiri; tetapi mempunyai satu minda;

- (c) mereka akan menanggung bersama segala kebaikan dan keburukan, ataupun keuntungan dan kerugian yang dialami oleh mana-mana ahli

dalam ikatan itu selagi ada bulan dan matahari;

cd) mereka juga bersumpah mang-mana lembaga dari yang lima orang

itu engkar, berubah fikiran atau keluar dari perbetiaan itu akan dilaknat

oleh Konan tiga puluh jur, di'impé dautar Yang Diperluan Raja Alam

Pagaruyung dan mati di'makan bisa besi kawir (Hervey, 1894: 257).

Datuk Kosil yang hadir amasa upacara tersebut telah merasmikan penubuhan

Ikatan Berlima Disebelah Baruh itu. Selanjutnya beliau telah mengiktiraf dan

menyamakan kepentingan ikatan baru itu dengan majlis Lembaga Yang Empat di

Baruh walaupun tidak dari segi kuasa dan fungsi politik dan pentadbiran kenegaraan

Rimba. Dalam masa yang sama Datuk Kosil telah dengan normatifnya meng-

istiharkan ikuwjudan: berempat berlima suku di baruh dan berlima bersambilan

suku di darat (gabungan suku di Rimbau Darat ini akan dikuasai kan kemudian).

Dalam tahun 1808, Yang Dipertuan Besar Sri Alamah, Raja Hitam telah meninggal

dunia. Datuk Kosil berserta dengan Datuk Kelani Bahi Penghulu Sungai Kijang, Datuk

Rambutan Tantan Penghulu Johor, dan Datuk Mundeika Menteri Adair Zamran Penghulu

Jelabu⁽¹¹⁾ telah menghantar utusan ke Pagaruyung⁽¹²⁾ memohon seorang putera untuk di-

tabalkan menjadi Yang Dipertuan Besar Sri Menanti menggantikan Raja Hitam.

Utusan tersebut telah membawa balik seorang putera bernama Raja Lenggang Laut.

Bekau telah ditabalkan di Raja's Rumbau, dan kemudiannya berpindah ke Sri Menanti dan bersemayam di sana.

Sebuah perkara yang menarik perhatian berkaitan dengan kehadiran Raja Lenggang

Laut ini ialah sikap keluarga diraja di Rumbau amnya dan Raja Ah khususnya. Di zaman

Raja Asil, untuk mengelakkan konflik, putera yang dijemput (Raja Hitam) telah dikahuri-

kan dengan anggota perempuan (Raja Sulung) keluarga diraja Rumbau; tetapi tidak di

zaman Raja Ah, Raja Lenggang Laut sebaliknya telah dikahuri dengan Tengku

Ngah, puteri Raja Hitam dengan Cik Jinaka (lihat gambarnya 7), mungkin atas

tujuan yang sama seperti perkahwinan antara Raja Hitam dengan Raja Sulung dahulu.

Konflik yang hendak dihindarkan di sekitar tahun 1808 ini ialah kemungkinan besar

Tengku Alang Husin, putera sulung Raja Hitam ingin menaiki takhta di Sri Menanti


menggantikan ayahnya. Raja Ah telah menerima dengan tenang ancaman kedatangan

dan penabalan Raja Lenggang Laut sebagai Yang Dipertuan Besar Sri Menanti.

Persoalan mengapa Raja Ah tidak bertindak kontra kepada perlantikan Raja Lenggang

Gambarajah 7


SALASILAH DIRAJA REMBAU DAN SRI MENANTI



Keluarga Diraja Sri Menanti


Keluarga Diraja Rembau

GAMBARAJAH 9:



SALASILAH KELUAGA -KELUAGA DIRAJA DI NEGERI SEMBILAN DALAM ABAD KE 19

CAMBARAJAH 10:



SALASILAH KELUARGA DIRAJA SERI MENANTI (PERMULAAN)

Laut ini adalah sesuatu yang sukar dicari jawapan. Besar kemungkinan Raja Ali masih merasa kekecewaannya di kalangan pembesar-pembesar adat di Rimbau masih belum meyakinkan. Di samping itu, mungkin juga Raja Ali lebih semang ber-terusan menjadi Raja Rimbau kerana pada ketika itu Rimbau masih lagi menjadi negeri induk kerajaan Negeri Sembilan yang asal (Khoo Kay Kim, 1977/78: 5). Dengan demikian, menjadi Yang Dipertuan Besar Sri Alauddin tidak memberi erti, malah dalam konteks terakhir di atas, dari segi status dan kuasa ekonomi, status Raja Rimbau atau Yang Dipertuan Muda Rimbau (atau disebut juga sebagai Raja Kecil - Braddell, 1956: 272) adalah lebih tinggi dari Yang Dipertuan Besar Sri Alauddin, terutamanya sekali yang berkaitan dengan hubungan dengan kuasa luar negeri seperti Melayu. Tetapi situasi agak berbeza sekali dalam tahun 1824 apabila Raja Langgang Laut mangkat.

Datuk Kasil telah meninggal dunia dalam tahun 1812. Beliau telah digantikan oleh Bogot, ahli waris Biduanda Jawa dari kampung Bukit dengan gelaran Datuk Seder Raja. Dalam masa pemerintahannya ini, walaupun singkat iaitu selama tujuh tahun, beliau terpaksa melihat pembentukan dan kemudian menerima suatu pembaruan

dalam struktur dan organisasi politik dan pentadbiran kerajaan Rumbau. Pemerintahan ini telah digerakkan oleh Raja Ali.

Raja Ali, setelah berkhidmat dalam dua peristiwa besar yang berlaku di Rumbau iaitu pertantikan Yang Dipertuan Besar Sri Menanti dan pertantikan Penguilu Rumbau, telah merasa cukup yakin akan kedudukannya. Keyakiniannya itu dimantapkan lagi apabila beliau berjaya bergabung dan mungkin mempengaruhi Raja Lenggang Laut. Kedua-dua Yang Dipertuan ini telah sepakat dan berjaya mewujudkan satu lagi majlis lembaga di Rumbau. Majlis lembaga yang terbaru ini juga terdiri dari empat orang seperti majlis lembaga Yang Empat yang sedia ada di Rumbau Darat, tetapi mereka ini adalah ketua-ketua suku di bahagian Rumbau Darat. Mereka adalah terdiri dari Datuk Sri Maharaja lembaga suku Paya Kumbuh Darat, Datuk Andika lembaga suku Batu Belang, Datuk Mandelika lembaga suku Sri Menggang dan Datuk Sinda Maharaja lembaga suku Sri Lemak.

Ikatan atau gabungan di antara lembaga-lembaga dan suku-suku di wilayah Darat Rumbau bukanlah sesuatu yang baru. Sebelum ini, dalam sekitar tahun 1520an telah ditubuhkan Perikatan Lembaga Yang Lima atau dikenali juga sebagai Berlima

ke Hulu. Keanggotaan prikitan ini adalah dari tiga buah suku yang mula-mula meneroka kawasan Darat Rembau iaitu suku Paya Kumbuh (Darat), Bulu Batu Belang dan suku Sri Lemak, dan dua buah suku yang datang meneroka di selatar tahun 1640an yang dibawa masuk oleh Datuk Uban, iaitu suku Biduanda Jalau dan suku Batu Hampar. Kawasan yang termasuk di bawah naungan suku-suku tersebut adalah Sungai Layang, Lubuk Russ dan Birtungan bagi tiga buah suku yang awal dan kawasan Sepri bagi kedua buah suku yang terkemudian. Ada lagi sebuah suku, Tiga Batu yang tergolong dalam ikatan ini. Suku Tiga Batu ini tidak mempunyai lembaga sendiri. Ia bernaung di bawah kuasa lembaga Sri Lemak, Datuk Sifah Maharaja. Walaupun kelima-lima buah suku ini berseutu, tetapi ia tidak menjejaskan status lembaganya. Setiap lembaga dari kelima-lima suku itu adalah bebas menjalankan tablighat dalam lingkungan anak buah masing-masing (Hervey, 1884: 254; Parr dan Mackray, 1910: 8; Abas Hj. Ali, 1953: 10). Menurut dengan wujudnya ikatan ini, kawasan-kawasan yang di'diami oleh kelima-lima buah suku itu dipanggil Rembau Darat ke Hulu.

Di samping Ikatan Berlima ke Hulu ini terdapat juga satu lagi ikatan:

Bersembilan Suku ke Hilir atau dikenali juga sebagai Bersembilan ke Hilir. Suku-suku yang menjadi ahli ikatan ini adalah suku Sri Melunggang, suku Mungkal, suku Tanah Datar dan suku Sri Melunggang Alimangkabau. Ada dua versi mengenai terbitnya istilah bersembilan dalam nama ikatan itu:

(a) Ahli-ahli ikatan ini berketurunan dari sembilan orang ibu, iaitu

empat dari suku Sri Melunggang, tiga dari suku Mungkal, dan dua

dari suku Tanah Datar. Mereka telah berikat setia untuk bersama

menanggung keaiban dan malu (Hervey, 1884: 255). Pato dan Mackray

(1910: 9) menyangkal versi ini kerana bilangan perut (ibu) mengikut

kori ini tidak selaras dengan fakta. Suku Mungkal Datar hanya men-

punyai dua perut bukannya tiga (Lihat juga Abbas Hj. M., 1958: 11).

(b) Mengambil sempena bilangan sembilan orang panglima dari tiga

buah suku tersebut. Mereka adalah:

(i) Dari suku Sri Melunggang: (1) Juan Pahlawan,

(2) Genta Di Awan,

(ii) Dari suku Mungkal:

(3) Raja Limada,

(4) Raja Nang Seti,

(5) Panglima Dalam,

(iii) Dari suku Tanah Datar: (6) Genta Di Langit,

(7) Memperang Seti,

(8) Panglima Jahia;

(iv) Dari suku Sri Muknangang (9) Panglima Bongsu.

Muhangkabau :

Panglima-panglima tersebut telah mengumpulkan angkatan tentera suku masing-masing yang kemudian bergabung sebagai satu angkatan tentera.

Rembau Darat Ia Hiki membantu Datuk Kelana Lela yang telah bergabung dengan tentera Bugis menentang Belanda di Simpang dalam

tahun 1784⁽¹³⁾. Peperangan ini mungkin yang dikatakan sebagai Perang

Rawa. Angkatan perang Rembau ini telah bergabung dengan angkatan

perang Bugis di bawah pimpinan Daeng Mampati atau Raja Amah yang

kemudiannya telah berkatuwin dengan Raja Putih, dan beranaktakan Raja

Ali, Yang Dipertuan Muda Rembau. Setelah perang selesai, keempat

orang Limbaga : Datuk Mendelika (suku Sri Muknangang), Datuk Ngian

(suku Mungkal), Datuk Maharaja Inda (suku Tanah Datar) dan Datuk

Dagang (suku Sri Melenggang Minangkabau) telah bertaut setia

antara satu dengan lain untuk bersama selama selalu dalam segala hal.

Kemajemukan kedua-dua ikatan suku-suku di Rambau Darat ini juga diperatkuai dan di-
 ikhtisaf secara resmi oleh Datuk Kosil dalam jamuan di Masjid Batu Putih apabila
 beliau menyebut Berlima Bersembilan Suku Di Darat seperti yang diungkapkan di
 atas.

Majlis Lembaga Yang Empat Di Darat yang ditubuhkan oleh Raja Ali dan Raja

Lenggang di awal pertama kurun ke 19 adalah memberi pengiktirafan kepada empat
 buah suku utama yang mula-mula memusnah Rambau Darat. Tiga dari suku itu, iaitu
 Paya Kumbuh (Darat), Batu Belang dan Sri Lela adalah dari Ikatan Berlima
 ke Hulu dan satu dari Ikatan Bersembilan ke Hilir - suku Sri Melenggang.

Pengiktirafan ini sejajar dengan pengiktirafan yang diberikan kepada Majlis Lembaga

Yang Empat Di Baruh iaitu suku-suku utama yang mula-mula memusnah Rambau

Baruh, oleh Sultan Alaudin Riayat Shah (1527/28 - 1564) Sultan Johor dalam

tahun 1539/40. Dari segi konsep penubuhan Majlis Lembaga Yang Empat Di Darat

ini sama dengan penubuhan majlis jawatannya di Rambau Baruh, walaupun agak ter-

Setelah Nanking ditawan, inggeris telah menawarkannya kepada Raja Ali sebagai hadiah atas perkhidmatannya, tetapi beliau telah menolaknya. Raja Ali memberitahu bahawa beliau telahpun mempunyai cukup tanah. Beliau lebih suka menerima ganjaran dalam bentuk yang lebih nyata (Mills, 1960: 151).

Kepatuhan Nanking tidak menguntungkan mana-mana pihak. — Nanking kehilangan ekonomi dan Inggeris kerugian lebih kurang £100,000 (Mills, 1960: 151) — melainkan Raja Ali dan Syed Syaaban. Keuntungan mereka ini telah bermula sejak tertandatangan Perjanjian Baitan Inggeris Januari 1832. Objektif Raja Ali adalah untuk mendapatkan jaminan perlindungan

dan juga 'sokongan' British apabila beliau cuba mendapatkan jawatan Yang Dipertuan Besar, pusaka yang telah lama di'idamkannya. Bagi Syed Syakban pula persahabatan, perlindungan dan mungkin juga sokongan British membolehkan beliau, pertamanya mengambil alih jawatan Yang Dipertuan Muda Rumbau dan bapa mertuanya, dan keduanya: mendapat hak mengutip cukai ke atas kijih timah dan hasil-hasil lain yang melalui Sungai Linggi (Braddell, 1856: 210).

Berkaitan dengan ura-uraan kedua orang 'pembesar' ini, pada intinya, telah bermula sejak pertengahan tahun 1820-an lagi. Sejak tahun-tahun tersebut Raja Ali telah merumpukan seluruh polisinya untuk menonjolkan, kemajuan kepertingan dan menjamin pengiktirafan Syed Syakban sebagai pewaris pusaka Yang Dipertuan Muda Rumbau. Usaha ini telah memberi hasil dalam tahun 1832. Dalam tahun tersebut Raja Ali dan Syed Syakban adalah pembesar yang paling dominan di negeri-negeri kecil di pedalaman Melaka. Tetapi dalam proses mencapai kedudukan di luar juga, terutama sekali Syed Syakban, telah mendapat musuh, baik di dalam Rumbau maupun di luar. Musuh utama mereka adalah dari dalam, iaitu Penghulu dan Lembaga-Lembaga Rumbau, namun untuk menyambat

waktu datuk-datuk ini tidak atau belum mampu membuat sejarah tiadakan (Northallin Ibrahim, 1978: 28).

Menjelang pertengahan kedua tahun 1832 gelombang politik di Negeri Sembilan terkua luas untuk Raja Ali. Raja Labu⁽³²⁾ pada ketika itu, telah balik ke Miriangkabau, Raja Ali, dengan menggunakan persahabatannya dengan Inggeris, berada di puncak kekuasaannya. Kesempatan ini telah digunakan sepenuhnya oleh Raja Ali untuk mempengaruhi dan memalesa Datuk Noprit dan Lembaga Tiang Balai Yang Dikapan di Rembau mengistiharkannya sebagai Yang Dipertuan Besar dan Syed Syaaban sebagai Yang Dipertuan Muda pada 13hb. September 1832 (Newbold, 1839: 258). Untuk sementara waktu, Penghulu-Penghulu di Negeri Sembilan dengan berat hati terpaksa bersetuju dengan pengistiharan Raja Ali itu, walaupun Datuk Kelana Kawai yang terkenal dengan sifat suka berperang juga ini juga tidak campurtangan (Shppard, 1965: 27-28).

Pemeralahan 'kuasa' kepada Syed Syaaban adalah suatu kesilapan bagi Raja Ali. Syed Syaaban, selau dan beraja-cita tinggi (Willkinson, 1911: 29) adalah tidak popular (Willkinson, 1911: 26) di kalangan masyarakat dan pembesar-pembesar

Rembau, walaupun ayahnya, Syed Ibrahim al-Katri, seorang guru agama di Chembong. Di kalangan masyarakat Rembau, darah keturunan ayah tidak dipertingkatkan sangat, yang diutamakan adalah darah ibu kerana sistem keturunan yang mereka amalkan adalah sistem nasab ibu atau matrilineal. Dalam kes Syed Syaaban, ibunya Siti Khamsis pada pandangan masyarakat Rembau tidak berstatus kerana selain dari pernah menjadi hamba, kerana -- zada kepada Zainuddin bekas Kapitan Melayu di Melaka, yang adalah gundik kepada ayahnya. Justeru itu, Syed Syaaban, pada pandangan masyarakat dan pembesar Rembau, berdasarkan kepada keturunan ibunya adalah seorang yang tidak berdarjat (Wilkinson, 1911: 26).

Syed Syaaban telah dilahirkan di kampung Chembong, Rembau. Beliau diasingkan dan tinggal di Rembau tetapi sering berulang alik ke Melaka. Bercita-cita tinggi adalah sifat semula jadi Syed Syaaban. Salah satu cara ia mencapai dan mendapatkan kedudukan adalah dengan mengahwini wanita dari kalangan keluarga diraja. Isteri pertama Syed Syaaban adalah dari keluarga Yang Dipertuan Muda Jelebu. Kemudian, beliau telah menjeberangi Setar Melaka dan berkahwin dengan anak perempuan seorang pembesar di Setar. Akhir sekali, Syed Syaaban telah berkahwin pula dengan puteri Raja Ali, Yang

Dipertuan Muda Rembau. Beliau, dalam usaha mencapai status Yang Dipertuan Muda Rembau, telah menunjukkan sifat kebijaksanaan juga, di samping mencapai tujuannya. Setelah mencapai kedudukan terakhir ini, beliau berhasrat pula untuk menguasai keseluruhan negeri-negeri di pedalaman itu. Keligibantunya yang terakhir ini mungkin memandangkan keadaan dan hubungannya dengan Melaka kerana atas jasa-jasanya semasa Perang Naning 1832 beliau sangat dihormati Inggenis (Newbold, II, 1839:131-132).

Pengiktisahan dan sekongon yang selama ini diandaikan sahaja oleh masyarakat dan pembesar-pembesar Rembau berada di belakang Raja Ali dan Syed Syakibah menghadi kemegahan pada 21hb. Oktober 1832, iaitu sebulan lebih sedikit dari hari pengiktisahan mereka sebagai Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda Rembau. Pada hari tersebut, Ibbetson (Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Brigadier Wilson beserta suatu rombongan (Humasik Letenan T. J. Newbold) telah mengufungi tempat kediaman Raja Ali di Bandar. (33)

Sejak zaman Portugis, membara ke Belanda dan kemudian Inggenis jarang sekali orang Eropah, terutama sekali bertaraf Gabenor masuk ke Rembau. Jikalaupun mereka datang, seperti kunjungan Jeremias van Vliet Gabenor Belanda di Melaka dalam bulan Februari 1644, adalah untuk sesuatu hal tertentu seperti

berperang; dan dalam kes van Vliet untuk "membalas dendam".

Kunjungan Ibbetson ke Rembau berbeza sekali dari kunjungan van Vliet. kedatangan Ibbetson berkemungkinan besar adalah atas jemputan resmi, hanya bukan juga berupa suatu kunjungan mengejut melihat dari caragaya mereka disambut. Antara upacara sambutan yang diberikan adalah:

(a) Syed Syabab dan salah seorang anak lelaki Raja Ali dengan diiringi oleh sekumpulan pahlawan berpakaian kemah yang berwarna warni dengan memegang lembing, senapang lantak dan peturas dan orang-orang yang membawa payung payung kanjau berwarna putih dan kuning telah bersedia menyambut kedatangan Gabenor Ibbetson dan Brigadier Wilson beserta rombongan dengan penuh adat istiadat.

(b) Pembesar-pembesar Inggeris itu telah dibawa masuk ke "suatu bangunan sementara yang di bina untuk peristiwa tersebut"; dan

(c) Suatu tembakan hormat telah dilepaskan dari kota jinjal

(Newbold, II, 1839: 129).

Jemputan dan kunjungan Ibbetson ini mungkin berkaitan dengan 'perlantikan' kedua-

dua pembesar tersebut sebagai Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda Rembau.

Dengan kata lain, kedatangan Ibbetson ini adalah salah satu dari upacara perayaan

sempena kenaikan status Raja Ali dan Syed Syaaban. Implikasi dari peristiwa kunjungan

Gabenor ini ialah terajahan Inggeris mengiktiraf dan mengakui Raja Ali sebagai Yang

Dipertuan Besar Rembau dan Syed Syaaban menjadi Yang Dipertuan Muda Rembau.

Suatu perkara yang menarik perhatian dalam upacara kunjungan Ibbetson ini adalah

ketidakhadiran Penghulu Rembau beserta Datuk Lembagaanya.

Pengiktirafan Inggeris terhadap status baru Raja Ali dan Syed Syaaban ini menjadi

kebahagian pada awal tahun berikutnya. Pada 9hb Januari 1833 Inggeris mendapati ada ke-

perluan untuk mengadakan suatu perjanjian ketiga bagi menentukan sempadan Melaka-Rembau.

Dalam peristiwa tersebut pihak-pihak yang terlibat adalah Raja Ali, Syed Syaaban,

Penghulu dan Datuk Lembaga Yang Berkepatan bagi pihak Rembau dan Gabenor Ibbetson

bagi pihak Melaka. Dalam bahagian pembukaan perjanjian ini, Raja Ali telah diisytih-

kan sebagai bergelar "Yang Tuan Besar Rembau" dan Syed Syaaban sebagai "Yang Tuan

Muda Rembau". Maksud asal perjanjian itu yang disimpan oleh keluarga Raja Ali mem-

perlihatkan bahawa Raja Ali menggunakan satu cap mekor yang memperincikan dirinya

sebagai "Sultan Ali" ⁽³⁴⁾ sepertimana yang dibuktikan oleh Raja Asit dalam tahun 1778 yang mengungkapkan dirinya Sultan Mahmud Syah (Wilkinson, 1911: 23; lihat di atas muka surat 382). Perbezaan antara kedua orang ini ialah Raja Asit mengambil gelaran sultan apabila beliau menjadi Yang Dipertuan Muda Rembau, sedangkan Raja Ali pula apabila beliau melantik dirinya menjadi Yang Dipertuan Besar Rembau.

Perbuatan Raja Ali menaikkan taraf dirinya kepada Yang Dipertuan Besar walaupun untuk Rembau dan melantik Syed Syakban sebagai Yang Dipertuan Muda Rembau dan kemudian diiktiraf pula secara rasmi oleh Inggeris pada 9 hb. Januari 1833 telah menyumbang pembesar-pembesar Negeri Sembilan, terutama sekali Penghulu dan Datuk lembaga Yang Balai Rembau. Datuk Nganit boleh dijangkakan sebagai tidak menyukai Syed Syakban. Pen Balai Rembau. Datuk Nganit boleh diduga sebagai tidak menyukai Syed Syakban. Pengangkatan segenerasi bertukaran dengan sesiapa pun yang menyandang gelaran Yang Dipertuan Muda terutama sekali seorang perancang jahat yang aktif seperti Syed Syakban menunjukkan bahawa pertentangan harus berlaku antaranya dengan Penghulu bertukaran dengan kuasa ke atas kerajaan Rembau. Tetapi Datuk Nganit bukannya seorang lawan yang aktif ataupun tegas (Gullick, 1976: 30). Justru itu, buat sementara waktu, pembesar-pembesar

Rembau dan yang lain tidak dapat melakukan sebarang tindakan melainkan membanding sahaja kemarahan Iku, menunggu suatu kesempatan. Peluang yang mereka nantikan di peroleh melalui labodohan yang dilakukan oleh Syed Syaaban sendiri (Wilkinson, 1911: 30). Kesilapan Syed Syaaban adalah bergaduh dengan Datuk Kaffas mengenai cukai eksport bijih yang melalui Sungai Linggi.

Mulai dari awal tahun 1820-an lagi, pengeluaran bijih timah di kawasan Linggi semakin meningkat. Pedagang-pedagang di Melaka yang menjalankan dagangan langsung dengan Datuk Kaffas telah mendapat keuntungan besar. Syed Syaaban juga mahu sebahagian dari keuntungan itu, dan cara yang paling sesuai adalah dengan mengenakan cukai ke atas bahan tersebut. Hak mencukai batangan di Sungai Linggi sememangnya telah diberikan oleh Penguili Rembau kepada Yang Dipertuan Muda Rembau sejak dari zaman Raja Asil (1778) lagi. Tetapi kemudian, kegiatan ini telah diberhentikan iaitu di zaman Raja Ali. Apabila Syed Syaaban diantik menjadi Yang Dipertuan Muda Rembau beliau mahu mengambil hak ini semula.

Untuk mencapai objektifnya itu dengan lebih berkesan, Syed Syaaban berancang mendirikan suatu kubu di Simpang Iaitu tempat di mana Sungai Rembau bertemu dengan Sungai

Linggi. Oleh sebab Sungai Linggi ketika itu merupakan jalan perdagangan utama antara kawasan lombong bijih timah (Linggi dan Sungai Ujung) dan Melaka, sebuah kubu di Sripang adalah sangat sesuai untuk mengawal lalu lintas Sungai Linggi. Syed Syaban yang menyedari bahawa seorang campur tangan ke atas perdagangan di antara Sungai Ujung - Melaka akan mengganggu kerajaan Inggeris di Melaka, telah menulis sepucuk surat bertanyakan sama ada Inggeris mempunyai sebarang bantahan jika dia belia mendirikan kubu di Sripang. Apabila pihak British tidak menunjukkan sebarang halangan, kubu itu pun dibina (Khoo Kay Kim, 1967: 42). Di kubu itu, Syed Syaban telah menempatkan selaras meriam kecil yang diletakkan di atas tujuh swivel, dan selaras meriam besi tujuh paun yang membunyah jarak tembakan cukup untuk mengawasi kedua-dua cabang sungai tersebut (Gullick, 1976: 31).

Sejak kubu itu siap dibina, Syed Syaban mungkin memperluaskan pertahanan Inggeris dalam menyekutkannya, pada 23hb. Januari 1833 telah mengeluarkan suatu Pengisytiharan yang di tulis berpu rupa memberikan gambaran bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh dia mendapat persetujuan dari kerajaan Inggeris. Pengisytiharan itu berbunyi: ⁽³⁵⁾

Perintah ausam oleh Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda berserta Datuk Lela Maharaja kepada Orang Kaya kaitas

salu Penguju Linggi.

Adalah dimaklumkan kepada kamu bahawa segala bijih timah yang dibawa keluar melalui Sungai Linggi kami menghantar pembayaran cukai sebanyak tiga ringgit setiap se bahang kerana kami telah menulis surat ini ke Melaka, kepada Gabenor Pulau Pinang dan Residen Kainsler Melaka -- dan sebab itu perintah ini dikeluarkan kepada Penguju Linggi bahawa semua barang siapa yang membawa turun bijih timah (dari Semanjung), harus datang ke Simpang untuk membayar cukai.

Ditulis pada 2346. Januari 1833 -- Nijah 1248.

(Bogie, 1834:410).

Tindakan Syed Syaaban ini, terutama sekali pengisihannya itu secara langsung telah menyenggol Datuk Kaffas. Antara kedua orang ini telah ada sikap permusuhan sejak sebelum itu lagi, dan telah sampai ke puncaknya dalam bulan Januari 1832. Peristiwa ini berlaku semasa perundingan antara Robeson dengan pembesar-pembesar Rembau. Dalam pertemuan yang diadakan juga di Simpang, Datuk Kaffas telah dimaklumkan mengenai abas basutan dan Syed Syaaban. Dalam peristiwa Januari 1833 ini, Syed Syaaban mengambil kira, tanpa curiga, bahawa dia berada dalam Perang Marung (1831-32) selaku Datuk Kaffas adalah orang yang membekalkan senjata dan peluru kepada Datuk Bai Saur dan sebagainya pula beliau adalah orang yang telah memberi priksamatan penting dan cenderung kepada kemenangan Inggeris dalam perang yang sama, arah simpati Inggeris akan cenderung kepada-

nya jika ada berlaku konflik. Di sini Syed Syaaban telah tersikap perhitungan.

Datuk Katas sememangnya mendapat keuntungan yang banyak hasil dari perdagangan langsungnya dengan pedagang-pedagang Melaka. Pencapaian yang di kenalkan oleh Syed Syaaban akan memisahkan kesan negatif kepada keuntungannya. Namun kesan negatif ini bukan hanya akan dirasa oleh Datuk Katas tetapi juga oleh rakan kongsinya - pedagang-pedagang Melaka. Kesilapan Syed Syaaban dalam tindakannya ini ialah beliau tidak mengambil kira pengaruh (yang tidak kecil) pedagang-pedagang Selat ke atas kerajaan British. Dalam hal ini, jika ada pilihan hanya antara Syed Syaaban dan Datuk Katas besar kemungkinan British akan menyebelahi Syed Syaaban; tetapi di sini wujud faktor ketiga yang tidak dipertimbangkan oleh Syed Syaaban iaitu pedagang-pedagang Selat.

Pengistiharan Syed Syaaban ini telah mendapat reaksi bukan sahaja dari Datuk Katas tetapi juga dari pedagang-pedagang Melaka. Mereka telah menulis sepucuk surat kepada Singapore Chronicle menuduh kerajaan British bersubahat dan menyokong tindakan Syed Syaaban di Singapura sebagai balasan khidmatnya semasa Perang Nauru. Perantaraan para pedagang Selat terhadap aktiviti-aktiviti Syed Syaaban adalah cukup penting untuk memulakan debat mengenai kewujudan suatu pengistiharan yang bertentangan dengan

pengistiharan Syed Syakban, sebagai menyatakan ketidak keterlibatannya British dengan
tidak Syed Syakban itu (Khan Kay Kun, 1967: 42).

Pengistiharan Ibbetson itu telah dikeluarkan pada akhir April dan berbunyi ⁽²⁶⁾

Tuan Terutama R. Ibbetson Esq. Gubernur Pulau Pinang,
Singapura dan Malaka dengan ini memberitahu dan memaklumkan
bahawa berkaitan dengan utangnya Simpong di pendalaman Sungai
Linggi, Raja Ali Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda
dengan rakyatnya telah memberi tanda kepada Gubernur mengenai
niat mereka untuk memukul timah di situ. Dengan ini pihak
Gubernur memberitahu kepada semua yang bertension bahawa
perkara ini tidak berkaitan dengannya, tidak juga berada
dalam kuat kuasanya untuk campur tangan, kerana tempat
itu tidak termasuk dalam bidang kuasa kompeni. Mereka,
pembesar-pembesar tersebut adalah siap untuk menganggap
bahawa dia, Gubernur, mempunyai selangku kuasa di
Simpong.

Tertulis di Singapura, 27hb, April 1833.

Cek sebagai kerajaan Inggeris tidak boleh campur tangan bagi pihak pedagang-pedagang
tersebut, mereka telah cuba mendapatkan kembali secara bersendirian, seluang-kurang-
nya selahagi dan jumlah wang pelaburan mereka. Salah seorang daripada mereka,
pedagang China yang kaya telah menyewa sebuah kapal krait bernama Cesthorike,
kapal tersebut telah belayar ke Linggi dengan seorang Belanda yang beragat sebagai

sebagai ganti mualaf istimewanya. Orang Belanda itu, sesampainya di Simpang telah menyatakannya kepada Syed Syaaban, melalui seorang juru bahasa, bahawa beliau tidak tahu berbahasa Melayu dan menyatakannya bahawa kapal itu datang dari pelabuhan lain. Syed Syaaban yang mempercayai kata-kata orang Belanda itu telah memberi izin agar kapal itu di isi dengan timah. Orang Belanda itu berjanji akan membayar cukai pada keesokan harinya, suatu janji yang di'persetujui' oleh Syed Syaaban. Tetapi pada malam itu juga kapal Catharine telah berlayar balik ke Melaka tanpa pengetahuan Syed Syaaban.

Syed Syaaban telah menulis surat kepada pihak berkuasa di Melaka mengadukan hal perisipan itu dan meminta bayaran ganti rugi. Alasan yang diberi ialah kapal Catharine menggunakan bendera British dan adalah kepunyaan pelabuhan Melaka. Melaka telah menjangka surat Syed Syaaban ini, sama seperti perisipan kepada pedagang-pedagang Melaka dahulu, iaitu inggris tidak boleh mengambil pelbagai tindakan kerana terikat dengan polisi tidak campur tangan dalam pertelingkahan di Simpang. Dengan itu, Syed Syaaban telah mengambil keputusan untuk mendapatkan semula wang kerugiannya akibat perisipan itu melalui peperangan.

Melihat keadaan semakin tegang, pihak Melaka telah menghantar dan menempatkan satu detasmen tentera British di bawah pimpinan Letenan Newbold di Kuala Linggi pada bulan September 1853. Tugas Newbold adalah untuk memperhatikan dan melaporkan perkembangan politik di kawasan tersebut dan mengekalkan keamanan. Diselatar masa yang lebih kurang sama Syed Syaaban telah meminta pihak Melaka menyebarkan semula satu tong serbuk letupan⁽³²⁾ kepadanya; dan Melaka telah memberikannya (Begbie, 1834: 411, notakaki).

Syed Syaaban juga telah mendapat bantuan kewangan dari Nakhoda Lope⁽³³⁾, salah seorang terkaya di Rembau pada ketika itu (Begbie, 1834: 402). Selain dari wang, Nakhoda Lope juga telah menghadiahkan Syed Syaaban dengan sebilah ketis bersejarah-kan emas dan sebuah pendang yang tinggi nilainya kerana kesudian Syed Syaaban memerangi Datuk Kattas⁽³⁴⁾ (Wilkinson, 1911: 30).

Datuk Kattas pula, yang juga menerima sebat dari tindakan pencukupan Syed Syaaban, atas desakan pedagang-pedagang Melaka telah juga membuat persediaan untuk berperang. Pedagang-pedagang Melaka telah memberi bantuan senjata, peluru dan wang kepada Datuk Kattas. Melihat keadaan semakin meruncing, Newbold telah memberi amaran kepada semua pihak yang bertelingkah supaya jangan menggunakan Kuala Linggi, sebuah pelabuhan

Inggris, sebagai pangkalan legiunan sekuteraah (Gulick, 1976: 31).

Mungkin karena amaran Newbold itu (yang mawalaq' British, yang bagi Syed Syaaban akan mawalaq' kepadanya telah tidak karbut bagiku) mawalaq' Syed Syaaban hilang perimbangan dan mawalaq' ⁽⁴⁰⁾ penyerangan ke atas ke atas Datuk Kattas (Wilkinson, 1911: 30; Gulick, 1976: 31). Serangan pertama Syed Syaaban itu telah gagal. Datuk Kattas telah bertindak balas dengan semerta tanpa menunggu serangan kedua. Beliau telah langsung menyerang dan mawalaq' mawalaq' Syed Syaaban. Perikutan dengan itu telah berlaku suatu peristiwa pergaduhan kecil antara kedua-dua belah pihak; namun kerana pergaduhan telah terkendali. Di masa awal pergaduhan ini adik ipar Datuk Kattas, Sallehudin dan dua atau tiga orang telah meninggal dunia semasa memperkatakan kubu di Menang (Begbie, 1834: 413).

Dalam peperangan ini, di masa awalnya Syed Syaaban telah mendapat sokongan dari Raja Ali dan Datuk Kgonur. Perikutan Raja Ali adalah atas dasar pertbadi. Antara sebabnya ialah:

(a) Dalam tahun 1830 telah berlaku suatu perikutan antara orang-orang

china dengan orang Melayu yang berakur dengan kekabahan pada pihak

orang china. Hari merdeka telah dirampas. Sebahagian dari hari rampas-

an itu, yaitu 4/9, bahagian telah diserahkan kepada Raja Ali, sebagai Yang Dipertuan Besar dan selebihnya telah diambil oleh Datuk Kelana (Saghe, 1954: 409). Penyerahan ini adalah dianggap sebagai hadiah pertama kerajaan Rembau dan Sungai Linggi. Kepada Rembau, Linggi adalah 'buatan' Rembau. Dari itu Linggi harus membayar hadiah anugerah. Tetapi kepada Raja Ali pembayaran sebanyak itu adalah satu penghinaan terhadap dirinya sebagai Yang Dipertuan Besar (Mohamad Ali, 1975/76: 152).

(b). Raja Ali mempunyai dendam kepada keluarga Datuk Katas akibat dari pendudukan peminangannya oleh Jeragan Abdul Rahman, ayah mertua Datuk Katas. Peristiwa ini berlaku di sekitar awal abad ke 19, dan ketika itu keluarga Jeragan Abdul Rahman tinggal di Rembau, berhampiran dengan tempat kediaman Raja Ali. Hafisah, anak gadis Jeragan Abdul Rahman yang dipinangnya itu akhirnya berkahwin dengan Datuk Katas. Raja Ali pada ketika itu baru sahaja dilantik menjadi Yang Dipertuan Muda Rembau (Mohamad Ali, 1975/76: 31, 274).

Datuk Ngahit, sebagai Penghulu Rembau pula, tidak mempunyai sebarang peribadi

terapi telah berkait dengan pembayaran 'pampasan wajib' yang harus dibayar oleh Linggi kepada kerajaan (Penghulu) Rembau. Ada dua punca utama yang mengganggu Datuk Ngapit dan membuatkan beliau mengesyaki Syed Syakban,

(a) Selama Perang Mating, Datuk kallas telah menggunakan keadaan itu sebagai suatu kesempatan untuk berhenti dari terus membayar pampasan wajib kepada Rembau (Begbie, 1834: 409).

(b) Dalam tahun 1832 pedagang-pedagang Melayu telah membayar premium tahunan sebanyak £2.500 kepada Penghulu Linggi. Dari jumlah itu, Penghulu Rembau telah mendapat hanya £400, sedangkan Datuk kelana menerima £200. Oleh sebab itulah Linggi itu adalah angkerah penghulu Rembau kepada orang-orang Bugis dan Riau yang diperbelahkan sebagai bertahta Rembau, maka Datuk Ngapit merasa bahawa pembahagian ini adalah tidak adil (Mohamad Ali, 1975/76: 147-150).

Ironinya pengkhianatan Datuk Ngapit ialah secara berikutan beliau tidak menyukai Syed Syakban

(Newbold, ii, 1839: 132) maka itu jikalau peristiwa pertempuran antara beliau dengan pembesar-

pembesar Rembau pada Januari 1832 boleh dijadikan petunjuk, Datuk Ngapit lebih percaya dengan

Datuk Katias (Bingle, 1834: 197-198).

Dalam pengaduan ini, oleh sebab Datuk Ngahit telah agak lanjut umurnya, beliau tidak mengambil bahagian aktif. Beliau hanya memperitahankan sahaja salah sebuah kubu pertahanan Rimbau. Dalam satu serangan ke atas kubu tersebut, Datuk Ngahit "tanpa malu" telah menunggalkannya dan membiarkan beberapa laras senapang dan sejumlah peluru diampas oleh Datuk Katias. Newbold menyifatkan perbuatannya sebagai suatu pengkhianatan soldier di jagok dengan candu (Newbold, 5, 1839: 132-133). Walau dan konflik itu, Datuk Ngahit tidak lagi berserta dengan Syed Syaaban. Dalam perjalanan balik ke Bukit Renghulu, beliau telah mendapat tahu mengenai pakatan antara Nakhoda Lope dengan Syed Syaaban serta barang hadiah yang terlibat. Ini membuatkan Datuk Ngahit menjadi sedih hati dan menganggap pengaduan Rimbau - Linggi itu sebagai pengaduan pertembuan antara Syed Syaaban dan Datuk Katias.

Pada perengahan tahun berikutnya, orang kanan Syed Syaaban, Panglima Perang Balla Gik Low yang dianggap label remaja Perang Nang telah terkena peluru dan kemudiannya mati di medan dunia. Walaupun orang kanannya sudah tiada, Syed Syaaban terus berjaya, tetapi Datuk Katias juga menunjukkan daya bertahan dan mampu mengatasi pihak lawan (Bingle, 1834: 413).

Kuadran seimbang antara kedua pembesar ini menunjukkan pengaduan itu terlarutan.

Melihat pertengkaran itu tidak akan bertesudahan, Syed Syaaban telah cuba mengatasi
 kesetimbangan itu dengan meminta Datuk Ngonit supaya melibatkan diri semula dalam per-
 gaduhan itu, dipinangkanya. Permintaan Syed Syaaban ini bukan sahaja telah ditolak tetapi
 diisindir pula dengan menyatakan bahawa beliau (Datuk Ngonit) tidak mempunyai keri ber-
 sorongkah emas untuk menentang musuh dan tidak juga mempunyai pendung emas untuk
 mengikat pinggang. Datuk Ngonit juga telah memberitahu bahawa pergaduhan itu adalah
 hal peribadi antara Syed Syaaban serta Raja Ali dengan Datuk Kalias. Ia tidak ada kaitan
 dengan Rembau sebagai sebuah kampung di mana mengikat adat belumlah Penghulu dan
 pemerintahnya. Hujah terakhir Datuk Ngonit ini adalah suatu pernyataan keras. Beliau dengan
 itu memberitahu dan mengingatkan Syed Syaaban dan juga Raja Ali bahawa yang ber-
 kuasa dalam kampung Rembau adalah Penghulu dan Lembaga Tiang Baseri dan bulangnya
 Yang Dipertuan Muda atau Yang Dipertuan Besar. Jawapan Datuk Ngonit yang sama
 sekali di luar dugaannya itu telah menyakitkan hati dan, bukan sahaja memalutkannya
 tetapi juga Raja Ali ayah mertuanya, telah membuatkan Syed Syaaban cukup marah.
 Tidak balas Syed Syaaban atas jawapan Datuk Ngonit itu adalah merupakan titik
 perubahan bukan sahaja kepada pergaduhan Rembau-Linggi yang sedang berjalan,

ketapi juga kepada sejarah siasah kerajaan Rembau. Syed Syaraban telah menghantar beberapa orang pengikut setiaanya ke rumah Datuk Ngonit dengan tujuan untuk membunuhnya. Datuk Ngonit dan keluarga telah berjaya melepaskan diri, tetapi harta bendanya telah dijarah dan rumahnya telah dibakar. Pencerobohan ini telah menimbulkan kesedih rakyat dan pembesar Rembau menyebarkan Datuk Ngonit. Datuk ketana kaula yang selamanya tidak campur tangan telah mengisytiharkan perang la abs Raja Ali dan Syed Syaraban.

Kedua-dua orang Penguatu ini berunding dan sepakat untuk mengikut landasan perbitangan: enggang sama enggang, pipit sama pipit. Untuk melaksanakan prinsip ini mereka telah sepakat untuk mencadangkan Raja Radin sebagai Yang Dipertuan Sri Menanti (Wilkinson, 1911: 30). Sebelum persediaan dibuat Raja Radin harus melibatkan diri dalam peperangan menentang Syed Syaraban. Cadangan kedua orang Penguatu yang berkuasa atas pertantikan Yang Dipertuan Besar Sri Menanti telah di persetujui.kehendak mereka adalah selin dengan hasratnya iaitu menjadi Yang Dipertuan dan peluang untuk menjatuhkan Raja Ali dari kedudukannya sebagai Yang Dipertuan Besar. Dengan arlabanya Datuk ketana, Datuk Ngonit serta Raja Radin dalam peperangan ini, suatu perang saudara telah meletus di Negeri

Sembilan. Akhirnya pada tahun 1836⁽⁴¹⁾ Raja Abi dan Syed Syabban telah berundur melori-

kan di sini⁽⁴²⁾ Syed Syabban telah lari ke Tampin, Raja Abi telah pergi ke Lukut dan kemudiannya

mendapatkan anak buahnya, Syed Syabban di Tampin (Parr dan Macdonald, 1910: 21).

Dengan tamatnya Perang Rantau-Linggi ini maka institusi Yang Dipertuan Muda Rantau

berserta Yang Dipertuan Besar Rantau pun turut hilang. Ada usaha untuk menghidupkannya

dalam 1843 (oleh Syed Syabban sendiri) dan dalam tahun 1873 (oleh anak Syed Syabban, Syed Hamid), tetapi tidak berjaya.

Jabatan Yang Dipertuan Muda Rantau, setelah dari unjutiannya kerajaan berpelembagaan adalah

Rantau di sekitar tahun 1540 tidak pernah menjadi sebahagian dari pemerintahan adat, walaupun

Samuel Garing menganggapiya sebagai suatu pemerintahan (Graddell, 1856: 221). Oleh sebab itu,

Yang Dipertuan Muda Rantau adalah 'pemerintah' yang mempunyai kekuasaan, tidak berakut

atau berakut. Sistem ini beliau adalah sering tidak berkuasa dan berdaya sama seperti

Yang Dipertuan Besar atau lebih jauh kerana dia tidak mempunyai suatu kedudukan tertentu dalam

kon' pemerintahan adat. Teori ini telah diringkaskan dalam pirbitangan:

Atas beraja,

anak berpuhulu,

suku bertua,

anak buah berpuapak,

orang semenda berlempar semenda;

dagang bertempatan,

rendu bertambakan.

Dalam hai ini turunan Sang Dipertuan Muda Rantau adalah loah brantung kerana mereka berjaya memperolehi dan memantapkan kedudukan mereka di Tampin, sedangkan jawatan Yang Dipertuan Muda Teluk, selepas kematian Raja Abdullah, telah dihapuskan langsung oleh Syed Ali bin Zai, Pengkulu Teluk ketika itu. Penghapusan jawatan Yang Dipertuan Muda Teluk ini di sahkan oleh Gabenor Weld, melalui Perjanjian September 1886 (Maxwell dan Gibson, 1929: 55-57).

Sesuai jawatan apabila ia diwujudkan, terpaksa ditenangi. Walaupun jawatan ini tidak terdapat dalam perbitangan di atas, ia muncul dalam perbitangan lain. Perbitangan ini telah diilhamkan pada awal abad ke-19, dan berbunyi:

Pertuan Besar di Sri Menanti,

Pertuan Muda di Rembau.

Pengilhaman dan seterusnya pengamalan perbitangan di atas itu menunjukkan bahawa satu pindaan perlembagaan Rembau telah berlaku di sekitar akhir tahun 1770an. Justeru itu ada kalanya untuk menunjukkan bahawa Raja Ali dan Syed Syaidan telah berjaya mencapai suatu status yang tinggi di Negeri Sembilan dan khususnya di Rembau, walaupun

jawatan yang mereka sandang itu adalah suatu jawatan baru dan yang dipalsakan.

Raja Ali dan Syed Syabban sebenarnya tidak mendapat sokongan bulat tetapi ini

mungkin kerana personaliti mereka terlalu bercahaya-cita tinggi dan agresif. Sifat ini-

lah yang mengasingkan mereka dan sebahagian pembesar-pembesar kerajaan. Malahan,

mereka mungkin dapat memantapkan lagi kedudukan dan diiktiraf sebagai Hang Di-

pertuan Muda Rembau seandainya mereka boleh menghindar diri dari menimbulkan sikap

penentangan dan terlalu ramai pembesar di Negeri Sembilan, terutama sekali di Rembau.

Mereka tidak berpuas hati dengan realiti kuasa yang telah mereka capai tetapi lebih suka

untuk membahayakannya dengan mengambil risiko untuk hanya mendapatkan gelaran -

gelaran 'kosong' (Wilkinson, 1911: 30). Akibatnya mereka telah diusir dari Rembau. Namun,

untuk seorang yang tidak popular di Rembau sebab dalam keturunan ibunya (darah hamba

atau di sebutkan juga ⁴⁴darah teman), Syed Syabban telah berjaya mencapai suatu status yang

tinggi. Beliau telah berjaya membina tapak untuk dirinya, dan keturunannya sebagai pemerintah

di Tampin walaupun terpaksa menerima gelaran yang lebih rendah tarafnya, Tumku Besar,

(Norhafizi Ibrahim, 1978: 35).

Penghapusan institusi Hang Dipertuan Muda Rembau ini telah membawa Rembau ke dalam

suatu situasi baru. Di saat-saat akhir institusi tersebut, malahan itulah yang menyebabkan lulutuhannya, satu elemen 'baru' telah muncul dalam sistem ekonomi Rembau yaitu pencukupan kreatif barangan yang lulutuhats di Simpang. Pencukupan di Simpang ini bukan 'baru' dalam entikata sebelum itu tidak ada, tetapi bermaksud ia mendapat kepantulan baru. Kepantulan ini tumbuh sejajar dengan perkembangan penusahaan perlombongan bijih timah di bahagian pendalaman Sungai Linggi, khususnya di Sungai Ujung.

Sebelum tahun 1830-an sistem ekonomi Rembau adalah lebih kepada eksport bahan dan hasil mentah pertanian, dengan di sokong oleh perdagangan timah. Selepas tahun 1830-an sistem nilai, terutama sekali di kalangan pembesar-pembesar Rembau, telah berubah. Mereka tidak lagi bersifat dan puas hati (sistem ekonomi pertanian) telah telah menjadi aktif dan agresif dalam kegiatan pencukupan. Oleh sebab Rembau bukannya kawasan perlombongan bijih timah utama, tetapi Sungai Ujung, namun untuk mengeksport bahan itu, ia harus melalui kawasan Simpang yang hak miliknya kabur dan dipertikaikan. Pembesar-pembesar Rembau telah mengambil kesempatan ini untuk menjalankan kegiatan pencukupan yang memberi kan hasil yang lumayan. Kegiatan ini telah menimbulkan konflik di kalangan pembesar-pembesar Rembau sendiri yang berdebat untuk memonopolinya. Di samping itu ia juga

disenangi oleh berbagai pihak lain seperti Datuk Kelana dan Datuk Syahbandar dari Sungai Ujung, Datuk Muda Linggi dan saudagar-saudagar di Melaka. Mereka semua mempunyai kepentingan masing-masing di Simbang. Keadaan ini telah menjadikan untai-jari jiran di satu kaitan serta di hulu Sungai Linggi menjadi tegang.

Syed Syahban sebagai Yang Dipertuan Muda Rembau telah memulakan ketegangan ini. Walaupun Syed Syahban terustr dan institusi Yang Dipertuan Muda Rembau terhapas namun ketegangan, dengan Simbang menjadi pusatnya, berterusan malahan merebak. Keadaan ini telah membandingkan kerajaan inggeris di Melaka, sekurang-kurangnya atas dua sebab utama :

(a) ketidakseimbangan sistem perdagangan di pelabuhan Melaka terganggu dan terancam. Ini akan menjejaskan pendapatan Syarikat India Timur Inggeris.

Dan ini berkaitan dengan faktor :

(b) pengaruh para saudagar dan peniaga Melaka (seperti yang ditunjukkan pada sekitar tahun 1833) yang terdiri dari warganegara British dan kepentingan mereka terlibat dalam ketegangan ini, adalah kuat dan akan memberi tekanan kepada pihak berkuasa inggeris di Melaka.

Jasleni ibi, walaupun sehingga akhir tahun 1830an masih tegas dengan sikap tidak campur

tangan di Rumbau, keadaan ini telah membuat mereka kecewa dua kali mengenai polisi

tersebut.

Nota kaki

BAB DUA BELAS

YANG DIPERTUAN REMBAU

(1) Ramm dan Mackray (1910: 30), dan Abbas Hj. Ali (1953: 38) menyatakan bahawa jawatan

ini telah diwujudkan pada awal kedelapan belas. Kenyataan ini adalah dinagai kebenaran-

nya kerana dalam tahun 1646, salah seorang dari wakil kerajaan Rembau telah ke Melaka

untuk mencari jalan perdamaian dengan Belanda di Melaka adalah adik ipar Datuk

Syahbandar Rembau yang bernama Khatib Sitam Muda. Kenyataan ini menyatakan

bahawa jawatan Syahbandar Rembau telah ada dalam pertengahan abad ke 17 lagi.

(2) Menurut Gullick (1926: 26) hak memungut cukai kertas dagangan timah yang

mengalir dari Sungai Ujung ini telah diawujudkan oleh Raja Hitam Yang Dipertuan

Besar Sri Menanti kepada Raja Asif apabila beliau diantik menjadi Yang Dipertuan Muda

di Rembau. Selanjutnya Gullick memberitahu bahawa Raja Hitam juga telah mengawujud-

kan secara formal wilayah selatan Rembau, Tampin kepada Yang Dipertuan Muda

Rembau sebagai sara hidupnya. Kerasa memungut cukai ini, yang pada mulanya hak

Datuk Syahbandar Rembau, kemudian diserahkan kepada Yang Dipertuan Muda Rembau,

akan menjadi punca melibatkan Rembau berkonflik, bukan sahaja di antara pembesar-

membesar di Rembau, tetapi juga dengan kuasa luar termasuk Inggeris dan Sungai Ujung dalam abad ke 19.

③ Penghulu-penghulu lain yang terluar tidak dapat diidentifikasi nama mereka kerana sehingga kini belum ada sejarawan dapat memberikan tarikh masa pemerintahan mereka kepada senarai nama penghulu luak-luak tersebut.

④ Parr dan Mackray (1910: 30) dan Abu's Hj Ali (1953: 38) telah mencatatkan bahawa Pasah telah pergi ke Johor. Ini mungkin suatu kekeliruan. Pada tahun 1787 Sultan Mahmud telah menyerahkan "segala pentadbiran pemerintahan di Riau kepada Kompeni Belanda" (Buyung Adit, 1971: 143). Dalam tahun yang sama Sultan Mahmud "telah bertakhta meninggalkan Riau pergi ke Lingga (Daik) lalu baginda bersemayam membuat tempat pusat pemerintahan baginda di Lingga pula". Lingga telah menjadi pusat pemerintahan baginda sehingga "Belanda menyerahkan balik Riau kepada Sultan Mahmud" (Buyung Adit, 1971: 150) dalam tahun 1795. Dari petikan di atas nyata bahawa dalam tahun Pasah pergi ke Johor, itu pusat kerajaan 'Johor' tidak lagi di Semenanjung Tanah Melayu, tidak juga di Riau; tetapi di Lingga.

⑤ Datuk Bekas tidak dipecat tetapi dipaksa turun oleh Datuk Perba Kasij. Proses

pemecatan Pengulu hanya telah dilaksanakan oleh kebulatan majlis Lembaga Rimba atas
 sebab-sebab yang ditentukan oleh Perlembagaan Adat dan bukan oleh individu tertentu atas
 hukuman atau keperikingsan pribadi, dengan kekuatan senjata. Atas di sini mungkin telah
 melakukan kesalahan terjemahan. Teks asal, tulisan Parr dan Mackray (1910: 18) merupakan
 "by force of arms in securing the deposition of 'Io' Pekak" telah diterjemahkan oleh Abbas Hj.
 Ali sebagai: ".....dipaksanya Datuk Pekak dengan kekuatan senjata turun dari Undang.
 Maka terperallah Datuk Pekak....." (1953: 22; penekanan oleh saya). Kata kunci
 dalam ayat Parr dan Mackray itu adalah deposition yang diterjemahkan oleh Abbas
 Hj. Ali sebagai dipecat. Terjemahan bagi kata deposition mengikut Kamus Inggeris
Malayu Dewan (1991: 376) adalah penggulingan. Kata Inggeris bagi perkataan
dipecat adalah dismissal (Wilkinson, 1955: 858).

- (6) Abbas Hj. Ali (1953: 23) menyatakan bahawa Raja Haji yang "kelarikan" wanita
 tersebut adalah "putera yang Dipertuan Muda Riau". Di sini sekali berlaku kesalahan
 terjemahan kerana dalam teks asal (Parr dan Mackray, 1910: 19) ayat ini berbunyi:
 "..... Raja Haji, a son of the Yam Tuan Muda" iaitu: "Raja Ali, seorang dari anak
 lelaki Yam Tuan Muda" tanpa menyebut nama khas Riau. Yam Tuan Muda yang di-

malasudkan oleh Pavn dan Maderay dalam tulisannya itu adalah: Yam Tuan Muda
Rimba, Raja Asit.

(7) Adat kahwin Biasa mengikut aturan adat istiadat Adat Perpatih harus melalui

proses: merisik, bertanya (menghantar cincin tanya), bertunang (menahantar/menerima
cincin pertunangan), dan adat langsung (akad nikah). Selain dari berkahwin secara

adat biasa (lazim) ini, di Rimba, terdapat juga Adat kahwin Tidak Lazim. Adat

kahwin kategori kedua ini dapat di pecahkan kepada beberapa jenis iaitu: Adat Terkurung,

Nikah Menyeral (yang terbagi kepada dua bentuk: (a) hanya setakat masuk ke dalam
rumah perempuan dan minta dinikahkan; (b) masuk ke dalam ke dalam rumah dan

keluar semula dari rumah dengan membawa lari gadis yang diingini dan berkahwin di

tempat lain), Nikah Merabul Merampas, Adat Nikah Mendapatkan, dan Adat Nikah

Beli Laki. Apa yang dilakukan oleh Raja Haji ini adalah Adat merumah dan bentuk

kedua. Adat ini, walaupun di benarkan oleh Adat Perpatih, tetapi suku atau keluarga

yang berkahwin (laki) harus bertanggungjawab membayar segala denda adat yang

diperlukan. Dalam kes Raja Haji ini, Raja Asit ayahnya telah berdegi dan angkuh,

mungkin kerana darah rajanya, dari membayar denda adat yang diperlukan. Adat

Rembau dalam pertikaian seperti ini, yang boleh mendatangkan malu kepada ahli keluarga dan kelompokan kekerabatan (ruang, rumpun, peruk dan suku) akan memberikan hadiah atau meminta bayaran denda tanpa mengambiri kira siapa yang melakukan. Pada Adat Perpatih, yang bersalah harus di denda dan denda harus di lunaskan, sesuai dengan kata peribatan: bias mati anak, jangan mati adat.

- (8) Darug Atampai atau Raja Aman ini terlibat dalam mempertahankan Simpang untuk orang-orang Bugis dalam serangan batas Belanda dalam tahun 1784. Bear kemungsihan semasa ia berada di Simpang ialah beliau bersekutu dengan Tengku Putih (Quillik, 1916: 25). Orang-orang Rembau terutama sekali 'ahli' dan 'suku-suku' di Rembau Darat (Keraton Berserbitan ka. Hlv) dan orang-orang Sungai Ujung telah terlibat dalam peperangan ini.

- (9) Parr dan Mackray (1910: 7) dan Atas H. Ali (1953: 8) memberikan fakta yang agak kabur mengenai peristiwa ini:

(a) Punca pertikaian ini adalah "perbuatan menceraikan dan tidak"

terjemahan Atas H. Ali kepada istilah an insult yang digunakan

oleh Parr dan Mackray.

Besar kemungkinan apa yang dimaksudkan dengan kata insult itu adalah penghinauan.

Dalam konteks ini, tidak membayar utang adat dan sebagainya boleh dianggap sebagai penghinauan tetapi tidak mungkin dianggap biadap dan jauh lagi dari bermaksud men-
ceroboh.

(b) lelaki yang menghinai itu adalah orang Melayu.

(c) Satu lelaki yang menghinai itu adalah sama iaitu orang dari Sulay
Mungkal.

(10) Parr dan Mackray (1910: 7) dan Abas Hj Ali (1953: 8) memberikan lafazan sumpah
yang agak berlainan, iaitu "selagi banyau berbulu putih dan gagak berbulu hitam".

(11) Nama Penghulu Jelabu yang sebenarnya terlibat dalam peristiwa ini tidak dapat
dipastikan kerana pada senarai nama yang ada kini tidak dicatatkan tarikh masa
pemerintahan mereka. Dalam senarai Penghulu Jelabu, nama Penghulu yang pertama diberi
tarikh (supaya tarikh ia meninggal dunia) adalah Penghulu yang terbelakangan, Datuk
Syed Ali yang meninggal pada bulan Mei 1912; dan dalam bulan September 1883
beliau telah pun menjadi Penghulu Jelabu kerana bersama menandatangani Perjanjian
dengan Inggeris (Maxwell dan Gibson, 1924: 53-55). Dengan demikian Penghulu Jelabu

yang mungkin terlibat sama ada Penghulu yang ke 10, Datuk Haji Ibrahim, atau Penghulu yang ke 9, Datuk Mahmud (Kulup Tunggal) (berdasarkan Surai Bayung Adil, 1981: 19).

(12) Siapakah yang ditunjuk oleh utusan ini agak sukar hendak di kenalpasti secara positif.

Kerajaan Muangkebau pada ketika itu sedang menghadapi krisis anti adat dengan gerakan pemberuan

dan penurunan ajaran Islam. Pertahanan telah telah berlaku di Lahak Tanah Datar, yaitu pusat

kekuasaan kerajaan Muangkebau/Pagaruyung pada ketika itu, 1808 (Mansoor, dll.,

1970: 123). Keluarga diraja Muangkebau telah dibunuh secara beramai-ramai di Kota

Tengah dalam tahun 1809 (Mansoor, dll, 1970: 154). Untuk keterangan lanjut mengenai per-

gerakan pemberuan ini atau dikenali juga sebagai Perang Paderi lihat Mansoor, dll, 1970:

117-155; Rusli Amran, 1981: 385-406; Nais, 1984: 32-38 (lihat juga nota kaki 15 di bawah).

(13) Nungtut Parr dan Mackenzey (1910: 10) yang mengutip sumber lisan sebagai punca-

nya peperangan ini berlaku dalam tahun 1820. Mereka telah menganggotai kesahihan sumber

itu dengan mengutipkan bahawa ekspedisi ini lebih jauh lebih terkemudian dari masa

tersebut disebutkan. Namun, mereka tidak pula menyatakannya secara spesifik

atau ketika itu sebenarnya disebutkan. Lihat juga Agus Hj. Ali, 1953: 11.

(14) Melalui Kongress Vienna 1815 semua wilayah Belanda di Tenggara Asia

yang di duduki 'sementara' oleh Inggris mulai 1745 harus dipindahkan semula kepada Belanda. Berdasarkan semangat kongress ini, Maluku telah diserahkan semula ke-
pada Belanda dalam tahun 1818 oleh Inggris

(15) Wilkinson (1911:24) menyatakan "..... sehingga Raja Siala dapat memilih dan meng-
antar seorang pengganti" (Penggantinya adalah oleh ayahnya). Besar kemungkinan apa yang ter-
jadi ialah pada masa kedatangan utusan Penghulu Yang Empat, Raja Bagarasuyah Sultan
Alam Bagarasuyah tinggal di Suraasa iaitu salah satu dari empat ibu kota tua kraikan
Munangkabau. Baginda tinggal bersama dengan Tuan Gadis bekas isteri Tunku Raja
